



● BIL 279 ● 13 - 19 SEPTEMBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU



www.wilayahku.com.my



Projek GAWAJAH PUTIH *musuh negara* ➤➤ 2-3

Dari Malaya
ke Malaysia
➤➤ 9-11

Apakah penghujung
ceritanya?
➤➤ 17

JWP pacu sektor
pelancongan Labuan
➤➤ 20

Satu bentuk pembaziran

RAKYAT KECEWA

Seorang penganalisis politik berpandangan terdapat rasional untuk melihat projek 1BestariNet sebagai satu bentuk pembaziran kerana hasil yang dijanjikan tidak tercapai walaupun kosnya sangat besar.

Penganalisis politik dari Universiti Malaya (UM), **Profesor Madya Dr Awang Azman Awang Pawi** berkata sumber awam yang dilaburkan dalam projek itu sepatutnya memberi impak yang lebih ketara kepada pendidikan.

“Kesannya, ini mencetuskan kekecewaan dalam kalangan rakyat, terutama guru dan pelajar yang tidak mendapat faedah yang diharapkan,” katanya.

Mengulas lanjut, Awang Azman berkata projek 1BestariNet yang diperkenalkan pada tahun 2011, bertujuan untuk memperbaiki infrastruktur pendidikan digital di Malaysia melalui penyediaan Internet berkelajuan tinggi di sekolah-sekolah.

Beliau berkata namun, projek itu mendapat banyak kritikan kerana masalah pelaksanaan yang tidak berkesan, infrastruktur yang kurang mantap dan kos yang tinggi dengan hasil yang dilihat tidak berpadanan.

“Banyak sekolah yang tidak dapat mengakses sambungan Internet yang stabil, menyebabkan ia dikritik sebagai projek gajah putih,” katanya.

Sementara itu, Awang Azman berkata sebagai badan yang bebas, Suruhan jaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mempunyai kuasa untuk menyiasat projek 1BestariNet jika terdapat unsur-unsur ketidaktelusan atau rasuah dalam pelaksanaannya.

Beliau berkata namun penting untuk memastikan siasatan dijalankan secara bebas, adil dan tanpa campur tangan politik.

Katanya, keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk tidak



SPRM memulakan siasatan ke atas tuntutan bayaran tender perkhidmatan yang dianugerahkan kepada YTL Communications Sdn Bhd (YTL). - Gambar hiasan

campur tangan dalam siasatan adalah tindakan yang wajar untuk memastikan integriti proses penyiasatan dan mengelakkan tuduhan bahawa siasatan itu bermotifkan politik.

“Perlu diingat bahawa mana-mana siasatan belum tentu menunjukkan salah. Keputusan mahkamah yang akan menentukan sama ada bersalah atau sebaliknya.

“Sudah tentu perbicaraan ini mengambil masa yang panjang dan ini menjejaskan kredibiliti dan persepsi awam,” katanya.

Tambah Awang Azman, siasatan terhadap 1BestariNet boleh mencemarkan imej Muhyiddin terutama dalam kalangan penyokongnya.


Beliau berkata reputasi Muhyiddin bergantung pada hasil siasatan dan

bagaimana beliau menangani isu ini secara peribadi dan politik.

“Sekiranya beliau dibersihkan daripada tuduhan, ia boleh memperkukuhkan imejnya sebagai pemimpin yang bersih. Tetapi jika didapati bersalah, ia boleh memberi kesan negatif yang serius terhadap karier politik beliau,” katanya.

Pada 6 September lalu, Muhyiddin mengalu-alukan siasatan SPRM terhadap projek 1BestariNet bernilai RM4 bilion sambil menyatakan keyakinan tidak terbabat dengan dakwaan berkait dengannya.

Muhyiddin berkata projek itu pernah disiasat suatu ketika dahulu, namun tiada perkembangan dilaporkan.

Beliau dilaporkan berkata projek itu dicadangkan untuk tender terbuka dan dilakukan secara tender terbuka antarabangsa. 

Pelajar jadi mangsa

PERSATUAN Pesara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (PPPPPM) mengingatkan semua pihak supaya tidak menjadikan isu pendidikan sebagai *punching bag* (beg untuk tumbukan).

Timbalan Presidennya, **Datuk Jemale Paiman** berkata secara umum pencapaian Internet negara seharusnya diutamakan tetapi tidak perlu dipolitikkan.

Menurut beliau projek 1BestariNet sukar dilakukan atas beberapa faktor dan salah satunya capaian Internet.

“Nak cover sekolah satu Malaysia memang tidak boleh. Kalau secara berperingkat mungkin (boleh).”

“Walaupun bertujuan baik untuk celik digital dan intelek, tetapi dengan keadaan Malaysia ini yang lautan luas, saya ingat masalah tidak boleh dicapai dengan cepat,” katanya.

Pada 2011, kerajaan memulakan projek 1BestariNet dengan matlamat menyediakan akses Internet berkelajuan tinggi kepada 10,000 sekolah di negara ini.

Namun pada tahun 2013, sekolah mula melaporkan masalah dengan kelajuan Internet dan sambungan serta banyak sekolah

luar bandar tidak dapat memanfaatkan perkhidmatan itu susulan infrastruktur dan liputan lemah.

Jemale berkata negara ini merupakan antara yang terbaik dalam bidang pendidikan.


Beliau berkata peruntukan setiap tahun kepada Kementerian Pendidikan juga antara tertinggi berbanding kementerian-kementerian lain.

Bagaimanapun, untuk melaksanakan sesuatu projek seperti 1BestariNet perlu melihat kepada kemampuan guru dan sistem itu sendiri.

“Perlu melihat secara menyeluruh sebab dalam kemahiran digital, tidak semua golongan guru mempunyai kebolehan sama kecuali guru muda dan baru. Itu memang didedahkan dengan Internet.”

“Kalau guru senior yang umur 40 dan 50 ke atas sukar dengan bekalan komputer yang tak cukup,” katanya.

Menurut Jemale, kalau dibandingkan dengan negara Afrika dan Asia Tenggara, Malaysia antara negara terbaik dalam sistem Internet.

Beliau berkata seharusnya pendidikan harus diutamakan agar pelajar-pelajar tidak menjadi mangsa. 

KRONOLOGI KES



2011: Kerajaan memulakan projek 1BestariNet bermatlamat menyediakan akses Internet berkelajuan tinggi kepada 10,000 sekolah dan melaksanakan Pelantar Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) berasaskan awan.

Kementerian Pendidikan menganugerahkan kontrak selama 15 tahun bernilai RM4.1 bilion kepada YTL Communications Sdn Bhd (YES 4G) bagi pelaksanaan projek.

2012: 1BestariNet memulakan fasa pertama menghubungkan sekolah ke Internet dan platform Frog VLE.

2013: Sekolah mula melaporkan masalah dengan kelajuan Internet dan sambungan

terutamanya yang berada di luar bandar susulan infrastruktur dan liputan lemah.

Laporan Ketua Audit Negara menyuarakan kebimbangan terhadap projek yang mengetengahkan ketidakcekapan dan kegagalan mencapai objektif.

2014: Projek mendapat perhatian serius

2015: Ahli Parlimen dan orang ramai mempersoalkan keberkesanannya dan kos yang tinggi.

Audit tambahan mendedahkan banyak sekolah masih belum disambungkan dan penggunaan Frog VLE berada di bawah paras jangkaan.

2019: KPM menghentikan penggunaan Frog VLE dan menggantikannya dengan Google Classroom dan alternatif lain.

YTL mendakwa kerajaan melanggar obligasi kontraktual susulan penamatan 1BestariNet dan Frog VLE namun kerajaan menafikan tuduhan itu.

2020: Kerajaan melalui KPM bertegas tidak akan meneruskan lagi kontrak bersama 1BestariNet dengan YES 4G.

2024: SPRM memulakan siasatan ke atas tuntutan pembayaran untuk tender perkhidmatan 1BestariNet seterusnya menyerbu pejabat kerajaan dan YES 4G pada 4 September.

Skandal Projek 1BestariNet

TEGAS HAPUS KETIRISAN

SYED HAZIQUE

KERAJAAN tegas dan komited dalam memerangi sebarang salah laku serta ketirisan yang berlaku dalam apa jua projek yang dilaksanakan demi manfaat rakyat.

Pakar politik, **Profesor Dr Ahmad Martadha Mohamed** berpandangan komitmen kerajaan untuk mengambil tindakan adalah satu langkah terpuji dan perlu diberi sokongan oleh semua pihak.

“Jika kita lihat ketegasan kerajaan dalam isu salah laku berkaitan pemberian projek-projek di bawah kerajaan ini semakin meningkat. Kerajaan amat komited untuk mengambil atau mengenakan satu bentuk tindakan yang berat terhadap sebarang kes yang melibatkan salah laku ketirisan.

“Ia adalah satu langkah yang memberi manfaat dan amat berguna bukan sahaja kepada negara malah kepada semua masyarakat,” katanya kepada Wilayahku.

Menurut Ahmad Martadha, penekanan kerajaan juga sekali gus terus menjaga keharmonian dalam perkhidmatan awam khususnya.

“Ia juga selaras dengan penekanan dan komitmen Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memastikan bahawa perkhidmatan awam sentiasa

berada dalam keadaan terbaik selain tatakelola serta perkhidmatan terbaik yang boleh diberikan.

“Justeru itu, sebarang bentuk salah guna kuasa atau ketirisan wajar diambil tindakan tegas kerana penjenayah ini merupakan musuh kepada negara,” ujarinya.

Ahmad Martadha menegaskan projek-projek tersebut juga adalah demi manfaat kepada rakyat maka jika tidak mencapai objektif ia adalah satu kegagalan yang amat besar kesannya.

“Projek-projek tersebut adalah untuk manfaat semua pihak, namun jika gagal maka implikasinya amat besar terutamanya daripada sudut kewangan negara yang sudah mengeluarkan belanja yang besar.

“Malah projek 1BestariNet yang gagal, secara tidak langsung ia juga merencatkan pembangunan pendidikan negara,” tegasnya.

Oleh kerana itu, beliau berkata adalah penting bagi syarikat-syarikat untuk mematuhi garis prosedur yang telah ditetapkan kerajaan.

“Kita lihat komitmen kerajaan untuk ambil tindakan sangat disokong oleh rakyat kerana kita tahu bahawa projek-projek yang telah dilaksanakan adalah menggunakan wang rakyat.



“Jadi perlulah setiap perbelanjaan untuk laksanakan projek kerajaan dibuat berhemah mengikut tatakelola dan prosedur dari segi masa, belanja serta objektifnya,” katanya.

Ahmad Martadha berkata setiap syarikat yang dilantik wajar mematuhi segala prosedur yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk menjayakannya.

“Bagi saya kerajaan sudah mengeluarkan garis panduan spesifik di mana garis panduan berkaitan dengan perolehan, ketelusan, tiada campur tangan misalnya. Justeru itu, segala bentuk projek tersebut dapat dilaksanakan tugasnya dengan adil dan saksama tanpa ada kepentingan oleh pihak-pihak tertentu,” ujarinya.

Tambahnya lagi, antara kegagalan 1BestariNet adalah kerana objektifnya yang gagal

memberi manfaat kepada warga pendidik khususnya.

“Projek seperti 1BestariNet adalah satu projek yang menelan belanja sangat besar, pelan atau perancangan awal dilihat sangat baik kerana memberi manfaat kepada guru-guru serta pelajar-pelajar sekolah.

“Apabila sesuatu projek itu menelan belanja yang besar malah tidak memberikan sebarang faedah kepada penerima ia memberi satu kesan yang buruk kepada pembangunan negara.

“Ia perlu dikaji secara terperinci, setiap projek yang dilaksanakan oleh kerajaan terutamanya adalah demi kebaikan rakyat yang membangunkan negara, kerajaan juga mengambil langkah tepat di dalam membendung ketirisan atau membuang segala projek yang merugikan,” ujarinya.

Ahmad Martadha beranggapan tindakan tegas wajar diambil kepada sesiapa yang terlibat.

“Kalau kita lihat, sebelum ini, menerusi Laporan Ketua Audit Negara, ada beberapa syarikat yang menyalahgunakan dana kerajaan telah diambil tindakan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Maka kerajaan memandang serius isu ketirisan ini, justeru itu, diharapkan satu tindakan tegas dapat dikenakan kepada yang terlibat,” jelasnya.



AHMAD MARTADHA

Rencat pendidikan negara

PEMBANGUNAN sistem pendidikan negara sedikit terencat berhubung isu melanda Kementerian Pendidikan (KPM) berhubung projek 1BestariNet.

Pakar pendidikan, **Profesor Dr Abdul Rasid Jamian** berkata isu yang kini sedang menyelubungi projek 1BestariNet sedikit sebanyak membantutkan perkembangan pembelajaran kepada bukan sahaja pelajar-pelajar malah kepada guru-guru juga.

“Konsep pendidikan masa kini sudah berubah seiring dengan arus peredaran zaman, di mana teknologi adalah sangat penting dalam pembelajaran.

“Bercakap berkenaan teknologi pula, saya beri contoh pengajaran dan pembelajaran (PdP) daripada kelas fizikal kepada penggunaan teknologi tanpa sempadan.

“Umum sedia maklum 1BestariNet menyediakan kemudahan jalur lebar dan persekitaran PdP melalui Pelantar Persekitaran Pembelajaran Maya/ Virtual Learning Environment (VLE) kepada semua sekolah di bawah KPM.

“Justeru itu, projek tersebut dilihat gagal dan amat merugikan bukan sahaja kepada negara malah kepada masyarakat,” katanya kepada Wilayahku.

Tambah Abdul Rasid, PdP adalah satu medium yang sangat membantu dalam kecemerlangan negara, yang kini berubah medium mengikut aliran zaman perubahan teknologi.

“Secara tidak langsung bahan-bahan ini bantu perolehan dan penguasaan ilmu, ilmu itu bermakna boleh dicari sendiri dengan konsep pembelajaran sendiri.

“Sekali gus pelajar-pelajar dapat menguasai sesuatu pembelajaran dan dapat selesaikan masalah sendiri dan mentelaah bahan-bahan dalam talian.

“Kepentingan teknologi dapat membantu pelajar-pelajar lebih berusaha keras dan menghargai sesuatu ilmu serta membina daya pemikiran aras tinggi yang lebih baik,” ujarinya.

Jelas beliau, konsep pendidikan masa depan lebih ke arah berteraskan alam maya ini

menunjukkan bahawa kegagalan projek 1BestariNet tersebut memberi implikasi yang buruk terhadap sistem pendidikan negara.

“Pada pendapat saya, kemudahan untuk capaian Internet dalam proses pendidikan adalah satu keperluan atau kepentingan tambahan lagi pada masa kini dan masa depan.

“Justeru itu, jika kita gagal menyediakan satu platform maka terencatlah pembangunan sistem pendidikan di negara yang akan mendepani perubahan pembelajaran yang berlandaskan kepada AI atau IoT,” jelasnya.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), **Fouzi Singon** berkata KPM mempunyai alternatif lain selain 1BestariNet iaitu pelantar Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA) bagi pembelajaran dalam talian secara aktif.

Menurut Fouzi, DELIMA merupakan pelantar pembelajaran digital KPM yang dibangunkan untuk mengupayakan sesi PdP dalam

talian. Diperkenalkan pada 1 Julai 2019 menerusi Bilik Darjah Google, kini diterima baik murid serta guru.

“Ia adalah satu usaha daripada KPM dalam usaha meningkatkan kualiti PdP guru serta murid di sekolah.

“Dengan melayari DELIMA kesemua aplikasi dan servis yang disediakan dalam portal berkenaan akan berubah mengikut kesesuaian pengguna kerana keperluan untuk guru dan murid adalah berbeza.

“DELIMA didatangkan dengan ciri baharu mengabungkan tiga aspek utama iaitu pembelajaran yang diperibadikan, pengalaman pengguna dan analisis data.

“Melalui DELIMA kementerian menyediakan pelbagai kursus dalam talian dan secara bersetempat untuk memastikan guru berupaya mendidik murid menggunakan teknologi baharu.

“DELIMA direka agar ia boleh diakses oleh guru dan murid pada bila-bila masa dan di mana sahaja termasuk di kawasan luar bandar,” katanya.



ABDUL RASID



FOUZI

Siasatan telus

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang melakukan siasatan berhubung kes tuntutan bayaran bagi tender perkhidmatan 1BestariNet bernilai RM4 bilion yang telah diberikan kepada YTL Communications Sdn Bhd (YTL) pada 2011.

SPRM dalam kenyataan menjelaskan siasatan dilakukan berdasarkan maklumat Laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK), Ogos lalu selain berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

“Hasil dua laporan tersebut mendedahkan terdapat beberapa kelemahan antaranya aspek capaian liputan jalur lebar yang rendah, kelemahan teknologi infrastruktur, lokasi sekolah selain capaian jalur lebar yang tidak menyeluruh.

“Terdapat juga maklumat awam serta aduan daripada pihak tertentu mengenai projek ini yang gagal memberikan capaian jalur lebar dengan kelajuan sebagaimana dikehendaki dalam membantu proses pembelajaran di sekolah yang lebih efisien,” katanya.

Menurutnya, siasatan SPRM adalah berdasarkan aduan yang diterima melibatkan beberapa dakwaan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa yang melanggar peruntukan undang-undang termasuk Akta SPRM 2009.

“Tender perkhidmatan 1BestariNet pada asalnya dirancang untuk tempoh 15 tahun membabitkan jumlah RM4.07 bilion, namun dipendekkan kepada tujuh tahun enam bulan tanpa ada pengurangan dari segi nilai kontrak.

“Walaupun perkhidmatan yang diberikan tidak mencapai matlamat, difahamkan masih ada beberapa tuntutan yang dibuat oleh syarikat berkenaan kepada pihak kementerian terbabit,” jelasnya.

Tambahnya, difahamkan sehingga kini kerajaan terpaksa menanggung beban kewangan sebanyak RM176 juta yang dituntut oleh syarikat tersebut.

“Walaupun bagaimanapun maklumat tuntutan tersebut belum dapat disahkan oleh kerajaan selain kerugian sewaan pencawang telekomunikasi bagi tempoh lima tahun sejak 2019 yang dianggarkan berjumlah RM10.8 juta.

“Justeru itu, tidak timbul isu mengapa siasatan dibuat setelah projek 1BestariNet ditamatkan pada 2019 kerana menjadi tanggungjawab SPRM untuk menjalankan siasatan secara profesional apabila mendapat maklumat baharu,” tegasnya.

Kenyataan Teresa bersifat peribadi

KERAJAAN TIDAK SUBAHAT

PELBAGAI reaksi negatif dilemparkan di media sosial susulan kenyataan Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok yang mendakwa pensijilan halal seharusnya bersifat sukarela bagi membolehkan pengusaha membuat keputusan berdasarkan permintaan pasaran, bukan dilaksanakan secara paksa.

Rata-rata pihak menyuarakan rasa tidak puas dengan maklum balas Teresa terhadap cadangan mewajibkan restoran dan syarikat makanan memiliki sijil halal yang dianggap hanya menambah kesukaran operasi perniagaan serta beban kepada perniagaan kecil.

Di sebalik ketidakpuasan hati terutamanya masyarakat Islam, ada pula pihak yang tidak semena-mena mengaitkan isu tersebut dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mereka menuduh PM hanya mengikut sahaja telunjuk Teresa dan 'takut' untuk mempertikaikannya kerana bimbang kedudukan beliau sebagai ketua kerajaan akan tergugat.

Nampaknya pihak yang suka menuding jari ini tidak lain hanyalah untuk mengambil kesempatan menjatuhkan orang lain di sebalik isu panas ini. Tuduhan yang tidak matang dan merapu itu hanya akan menampakkan sisi 'tidak cerdas' anda.

Tampil mengulas tentang isu tersebut, Anwar menyifatkan kenyataan Teresa adalah bersifat peribadi dan tidak mewakili kerajaan.

"Dia mewakili pandangan individu (peribadi) walaupun ada cadangan ada 'concern' bawa dalaman mesyuarat PH dan Kabinet akan teliti tidak payah buat begini," kata beliau ketika hadir



JAKIM mengkaji cadangan untuk mewajibkan restoran dan syarikat makanan memiliki sijil halal. - Gambar hiasan

merasmikan kawasan Rehat dan Rawat Seremban (Arah Selatan), Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Dalam masa sama, Anwar turut menegaskan segala isu yang timbul perlulah dibincang dan bukannya dengan mengganggu sentimen orang Islam.

"Ini menimbulkan kontroversi yang tidak relevan dalam masyarakat kita. Ada masalah, peraturan itu perlu supaya umat Islam tidak rasa waswas. Tapi kalau dia rasakan peraturan itu tidak diperlukan di kawasan tertentu. Bincang secara elok.

"Kalau dia nak wakili beberapa pihak tidak mengapa tapi tidak perlu kerana ia tidak membantu untuk

menjernihkan keadaan. Kita kena jaga sentimen orang Islam dan bukan Islam," kata beliau.


Anwar berkata isu berkenaan perlu dirundingkan secara baik serta tidak perlu menunjukkan kehebatan masing-masing.

"Negara kita sudah dalam keadaan baik sekarang, politik sudah stabil penghargaan dunia baik, ekonomi naik perlu apa perkara-perkara ini nak merosakkan," ujarnya.

Sebelum ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain memaklumkan polis membuka kertas siasatan mengikut prosedur operasi standard (SOP) isu agama, bangsa dan institusi diraja (3R)

terhadap Teresa membabitkan isu pensijilan halal yang menyentuh sensitiviti umat Islam di negara ini.

Razarudin dilaporkan berkata siasatan terhadap Teresa dibuat susulan lima laporan diterima polis setakat ini, yang dibuat mengikut Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengkaji cadangan untuk mewajibkan restoran dan syarikat makanan memiliki sijil halal. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

14 - 16/9/24: Festival Permainan Malaysia@Kuala Lumpur 2024 @ Dataran Merdeka

26/7-26/9/24: Pameran Raja Kita @ Muzium Negara

29/6-28/9/24: MYARTS@JKKN 2024 @ MaTiC KL Lobby

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

19 - 22/9/24: Karnival Komuniti & Pesta Air Putrajaya 2024 @ Kompleks Futsal, Presint 18

27 - 28/9/24: Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2024 @ Taman Wetland, Presint 13

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024

LABUAN

27 - 29/9/24: Borneo Arts Festival 2024 @ Ujana Kewangan

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 /**

019-266 5850

Bukan ikut telunjuk China

PANAS di media sosial sepanjang minggu apabila segelintir mendakwa atas nama persahabatan baik dengan negara China, Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi peluang kepada negara tersebut untuk meneroka telaga minyak milik Malaysia yang terletak di Laut China Selatan.

Tuduhan tidak masuk akal itu turut menyifatkan PM sebagai boneka yang hanya mengikut telunjuk China. Jangan terlalu cepat menuduh tanpa usul periksa kerana PM tegas mempertahankan hak dan kedaulatan Malaysia.

Buktinya, Anwar menegaskan Malaysia tidak akan menghentikan operasi meneroka kawasan

yang berpotensi mempunyai minyak dan gas di Laut China Selatan, biarpun wujud bantahan daripada China kononnya negara ini telah melepasi sempadan yang dibenarkan.

Malaysia akan terus meneroka kawasan minyak dan gas di Laut China Selatan walaupun China membantah kerana operasi tersebut dilakukan dalam perairan negara sendiri tanpa sebarang provokasi.

Malah, beliau terbuka untuk berbincang dengan China, namun penerokaan itu penting untuk kelangsungan ekonomi negara.

Bantahan China menyatakan Malaysia telah melanggar sempadannya, namun Malaysia

berpegang kepada hak Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) mengikut undang-undang antarabangsa dan siasatan ini adalah kawasan kebocoran nota diplomatik Beijing.

"Mengenai kawasan tersebut yang dibantah oleh China, kita menegaskan ini adalah kawasan kita, tetapi kita terbuka untuk berbincang. Tetapi penerokaan minyak ini dalam kawasan perairan kita. Kita mungkin akan memberi respons kepada China menerangkan kedudukan kita, tetapi kita bukan melakukan tindakan provokasi.

"Kita perlu meneruskan penerokaan di perairan kita dan menjamin kelebihan kita, termasuk operasi

mencari gali dalam kawasan kita sendiri. Beijing hantar nota bantahan kerana dia rasa itu kawasan dia. Tetapi kita kena teruskan operasi ini kerana ini adalah berkaitan kelangsungan ekonomi kita," tegasnya lagi.


Terdahulu, media melaporkan kebocoran nota diplomatik yang dihantar oleh Beijing kepada Malaysia, menyuarakan bantahan terhadap operasi syarikat Petronas di kawasan tersebut.

Nota yang disiarkan oleh media Filipina itu menunjukkan dakwaan Beijing bahawa penerokaan minyak dan gas Malaysia di Laut China Selatan telah memasuki sempadan perairan China.

Kenyataan Wisma

Putra baru-baru ini juga menegaskan kebocoran maklumat itu akan disiasat secara rapi memandangkan ia mengandungi maklumat kerahsiaan dan kedaulatan negara-negara.

Media antarabangsa sebelum ini melaporkan China bertegas hampir keseluruhan Laut China Selatan termasuk EEZ seluas 200 batu nautika yang dikongsi Malaysia, Filipina, Brunei, Taiwan dan Vietnam adalah di bawah kedaulatannya.

Di bawah undang-undang antarabangsa, EEZ tidak menandakan kedaulatan sesebuah negara, tetapi memberi hak kepada negara yang berkenaan untuk mengekstrak hasil bumi di dalam zon tersebut. 

JADIKAN PUCHONG BANDAR LENGKAP

AHLI Parlimen Puchong, Yeo Bee Yin yang mewakili Parti Tindakan Demokratik (DAP) terus prihatin dan peka dengan segala permasalahan yang dihadapi oleh penduduk setempat. Biarpun pelbagai rintangan serta cabaran yang dihadapi namun beliau tekad membantu penduduk mendapat kehidupan yang selesa.

Antara fokus Yang Berhormat (YB) adalah menyediakan bakul makanan bagi golongan kurang berkemampuan, pendidikan, menaik taraf infrastruktur dan sebagainya.

Malah sepanjang perkhidmatan segala masalah berjaya ditangani dengan solusi terbaik buat semua pihak terutamanya penduduk di kawasan tersebut.

Ikuti wawancara eksklusif **YB YEO BEE YIN** bersama Wartawan Wilayahku, **SYED HAZIQUE** bagi menceritakan segala cabaran sepanjang berkhidmat sebagai wakil rakyat.



Apakah kejayaan yang telah terlarak sepanjang menjadi wakil rakyat?

Setelah dipilih menjadi Ahli Parlimen Puchong pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15 yang lalu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Puchong bagi membantu rakyat di dalam Parlimen ini merentas pelbagai masalah dan hal berbangkit.

Antaranya, peluncuran Kiddo Foodbank. Inisiatif ini adalah bagi membantu menyelesaikan masalah bantut dan malnutrisi dalam kalangan anak-anak yang berumur enam tahun ke bawah.

Setakat ini, inisiatif tersebut telah memanfaatkan 149 orang penerima susu formula dan multivitamin setiap bulan.

Seterusnya, Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Puchong sentiasa konsisten mengedarkan keperluan bakul makanan kepada rakyat yang memerlukan dan berpendapatan rendah.

Inisiatif ini telah memanfaatkan 5,000 rakyat di dalam Parlimen Puchong dan akan terus berlangsung bagi memastikan golongan miskin tegar dapat dibantu seperti mana yang dihasratkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bidang pendidikan dan pembangunan modal insan sentiasa menjadi teras keutamaan saya selaku Ahli Parlimen.

Justeru itu, saya telah memastikan peruntukan pembangunan untuk Parlimen Puchong dimanfaatkan bagi disalurkan kepada seluruh sekolah di dalam Parlimen ini meliputi pembaikan dan menaik taraf infrastruktur di kawasan sekolah.

Ini penting bagi memastikan anak-anak di dalam Parlimen Puchong dapat menjalani proses pembelajaran dalam keadaan kondusif dan selesa.

Selain itu, bagi tujuan memastikan aktiviti pengimarah rumah-rumah ibadat di dalam Parlimen Puchong, pejabat saya telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM480,470 dengan menggunakan peruntukan Projek Mesra Rakyat (PMR) yang telah disalurkan oleh pihak kerajaan. Beberapa rumah ibadat telah menerima manfaat daripada inisiatif ini.

Apakah antara cabaran yang dihadapi YB bagi menguruskan kawasan?

Kawasan di Parlimen Puchong adalah kawasan yang merangkumi pelbagai latar belakang penduduk yang terdiri dari kawasan taman perumahan, kampung tradisi dan kampung baru.

Kita mendepani isu-isu tempatan seperti banjir kilat, jalan berlubang sehingga isu-isu nasional yang memerlukan perhatian seperti kewarganegaraan.

Semua ini adalah cabaran yang memerlukan perancangan dan penelitian yang tuntas bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh penduduk dan rakyat di dalam Parlimen Puchong.

Namun, itu bukanlah alasan untuk saya tidak meneruskan khidmat saya selaku Ahli Parlimen di kawasan ini.

Rakyat telah memilih saya maka wajib untuk saya meletakkan setiap permasalahan rakyat ini sebagai keutamaan dan fokus menyelesaikannya.

Apakah fokus utama YB di dalam pembangunan kawasan?

Dari awal terpilihnya saya selaku wakil rakyat di kawasan ini, saya telah meletakkan hasrat untuk menjadikan Puchong sebagai bandar yang lengkap daripada pelbagai aspek.

Seperti saya sebutkan sebelum ini, isu-isu tempatan seperti banjir kilat, kesesakan lalu lintas, infrastruktur awam dan yang paling penting premis-premis awam seperti sekolah, klinik kesihatan, balai polis dan balai bomba sentiasa menjadi fokus saya selaku Ahli Parlimen.

Setiap pembangunan baru yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memastikan kepadatan sekolah, klinik kesihatan dan kecapaian keselamatan seperti balai bomba dan balai polis dapat menampung kependudukan yang baru.

Justeru itu, saya telah meminta semua Ahli Majlis di dalam kawasan Parlimen Puchong untuk memastikan setiap pembangunan yang dicadangkan perlu disyaratkan kepentingan bagi memastikan premis-premis kerajaan ini kondusif untuk digunakan oleh rakyat.

Lambakan projek perumahan, kesesakan lalu lintas antara masalah utama yang dihadapi penduduk, apakah pendekatan atau jalan penyelesaian yang dibuat?

Lambakan projek perumahan dan pembangunan di sesuatu kawasan seperti Puchong yang berada di antara sempadan Sepang dan Kuala Lumpur pastinya menjadi tumpuan pemaju bagi membeli tanah-tanah di kawasan Puchong bagi dimajukan sebagai projek perumahan.

Justeru itu, pastinya Puchong tidak boleh terkecuali menghadapi masalah kesesakan lalu lintas akibat daripada pertambahan jumlah kepadatan penduduk yang bertambah tahun ke tahun.

Masalah ini bukanlah hanya dihadapi oleh Puchong, malah turut dihadapi oleh bandar-bandar utama yang lain di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, pihak saya sentiasa mengingatkan kepada Ahli-Ahli Majlis di dalam Parlimen Puchong supaya sentiasa membawa

permasalahan kesesakan lalu lintas ini semasa mempertimbangkan kelulusan pembangunan baharu di dalam Parlimen Puchong.

Pihak saya sendiri akan mendapatkan taklimat daripada Jabatan Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam masa terdekat.

Apakah harapan YB bagi tahun ini dan di masa hadapan?

Sebagai Ahli Parlimen Puchong saya mengharapkan agar setiap inisiatif dan manfaat yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri dapat disalurkan kepada setiap lapisan masyarakat tidak kira warna kulit dan agama.

Saya turut berharap pembangunan yang rancak berlangsung diimbangi dengan kesejahteraan sosial masyarakat terutama golongan yang memerlukan seperti mereka yang dikenal pasti berada di dalam kelompok miskin tegar.

Dengan itu, keadilan sosial dapat ditegakkan dengan memberi hak kepada semua masyarakat dapat hidup dengan aman dan damai di dalam sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti negara bertuah Malaysia. 🇲🇾



Visi bina bandar bertenaga

KE ARAH TRANSFORMASI KL

SABRINA SABRE

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengutamakan penyelesaian berasaskan alam semula jadi untuk memastikan masa depan yang lebih lestari dan berdaya tahan untuk bandar raya itu.

Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif**, visi DBKL untuk Kuala Lumpur adalah untuk membina sebuah bandar yang bertenaga dari segi ekonomi, mesra alam, inklusif dan sebuah bandar yang boleh didiami bagi menampung penduduknya seramai 1.98 juta dan dijangkakan akan meningkat naik kepada 2.35 juta pada tahun 2040.

"Visi itu dapat dicapai melalui inisiatif yang fokus terhadap penjana semula bandar, transit, perumahan, kawasan hijau, budaya dan penglibatan masyarakat.

"Penjana semula bandar adalah penting kepada transformasi Kuala Lumpur. Ini selari dengan salah satu matlamat Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) iaitu menjadi sebuah bandar mampan dengan pembangunan bersepadu.

"Meskipun menghadapi cabaran, inisiatif River of Life adalah contoh yang baik bagi usaha menggiatkan semula untuk membina *waterfront feature* yang menarik buat penduduk tempatan dan pelawat."



MAIMUNAH semasa ucap tama pada Persidangan Antarabangsa ke-15 mengenai WCSC 2024.

katanya semasa ucap tama pada Persidangan Antarabangsa ke-15 mengenai Bandar Lestari Bertaraf Dunia (WCSC 2024) yang diadakan pada Selasa.

Dalam masa sama, beliau berkata kawasan hijau yang digazetkan di Kuala Lumpur atau 'paru-paru hijau KL' tidak lagi akan dikorbankan untuk pembangunan.

"Kami sudah memetakan kawasan hutan gazet dan kawasan

lapang awam untuk melindungi tapak ini daripada pembangunan masa depan. Dengan perubahan iklim yang semakin ketara, terdapat keperluan yang mendesak untuk melindungi kawasan ini.

"Selain itu, DBKL juga fokus untuk menjadikan kawasan awam selamat, mudah diakses dan dinamik untuk memupuk interaksi masyarakat.

"Pengubahsuaian Dataran

Merdeka telah meningkatkan daya tarikannya sebagai ruang untuk perhimpunan awam dengan kemudahan acara yang lebih baik. Begitu juga di mana kawasan pejalan kaki di sesetengah bandar telah menjadikan lebih ramai orang berjalan, membeli dan berinteraksi tanpa dihalang oleh laluan kenderaan," ujarnya.

Mengenai kesiapsagaan bandar dalam menangani bencana alam,

Maimunah berkata DBKL perlu meningkatkan prosedur operasi standardnya dalam menangani bencana alam khususnya dari segi komunikasi.

"Apabila bercakap tentang bencana, kita perlukan komunikasi yang jelas mengenai isu yang dihadapi terutamanya ketika berurusan dengan media. Apabila kejadian lubang benam Masjid India berlaku, setiap hari saya terima panggilan daripada media.

"DBKL perlu ada sebuah pasukan berdedikasi untuk memastikan pihak media dimaklumkan tentang apa yang berlaku di peringkat bawah untuk menyalurkan mesej sebenar, bukan melalui media sosial," ujar beliau.

Terdahulu, WCSC 2024 dianjurkan oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Rehda WPKL), Institut Perancang Malaysia (MIP) dan Institut Arkitek Malaysia (PAM).

Persidangan bertemakan Merevitalisasi Kuala Lumpur melalui penjana semula bandar yang inovatif tahun ini itu menghimpunkan pakar tempatan dan antarabangsa yang terkenal untuk menerokai strategi pembangunan bandar urban yang bertujuan untuk meningkatkan daya huni, kemapanan dan daya hidup ekonomi Kuala Lumpur. 📍

Permainan digital

ORKESTRA Kuala Lumpur tampil dengan persembahan berlainan pada kali ini dengan memainkan lagu-lagu yang bertemakan permainan digital.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata apabila permainan digital dan muzik bersatu maka terciptalah Orkestra Permainan Digital.

"Orkestra Permainan Digital merupakan sebuah persembahan yang memainkan lagu-lagu yang bertemakan permainan digital seperti Mobile Legend Bang Bang, Gigabash, King League II dan banyak lagi," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya.

Tambahnya, Orkestra Permainan Digital yang berlangsung selama dua jam itu telah dipersembahkan oleh Orkestra Kuala Lumpur pada malam Selasa bertempat di Auditorium Bandaraya, Menara DBKL 1.

Hadir sama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif dan Pengerusi Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC), Syed Ibrahim Syed Noh. DBKL berkata ia merupakan

program kerjasama di antara pihak DBKL dan MDEC sempena Malaysia Digital Content Festival 2024 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 13 hingga 15 September ini.

"Di sana terdapat LEVEL UP PLAY, CREATORS XPO KL dan MyDigitalMaker yang akan menghimpunkan pemain industri kandungan digital dalam bidang pembangunan

animasi, permainan digital serta teknologi kreatif tempatan dan antarabangsa.

"Para hadirin juga berpeluang untuk mencuba permainan dalam pameran mini khas.

"Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh layari laman sesawang, <https://mdec.my/levelup-play> dan jom turut serta dalam inisiatif kerajaan ke arah Malaysia Digital City," katanya. 📍



PERSEMBAHAN langsung oleh Orkestra Kuala Lumpur yang mempersembahkan muzik dari permainan buatan Malaysia.



TAKLIMAT ringkas kepada delegasi ketika lawatan ke SDG Centre Kuala Lumpur.

Kunjungan Indonesia ke IDB

DELEGASI Kabupaten Tangerang, Republik Indonesia telah mengadakan satu lawatan teknikal ke Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) baru-baru ini.

Lawatan teknikal tersebut bertujuan untuk membincangkan mengenai program penempatan pegawai perbandaran tersebut ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Delegasi seramai lima orang tersebut telah diketuai oleh Sekretaris Badan Pada Badan Perencanaan Pembangunan Daerah, Erwin Mawandy dan telah disambut oleh Pengetua IDB, Khairul Azmir Ahmad.

Mereka juga turut dibawa melawat ke SDG Centre Kuala Lumpur di Perpustakaan Kuala Lumpur dan ESG Centre Kuala Lumpur di Menara TRX. 📍



ANTARA penerima sumbangan dalam Program CSR yang diadakan baru-baru ini.

Sektor awam, swasta bersatu

BAWA PERUBAHAN

DIANA AMIR

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa berusaha untuk menyantuni masyarakat terutama golongan yang kurang bernasib baik.

Pengarah Eksekutif YWP, **Abdul Rahman Siraj** berkata pihaknya turut menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta dalam membantu warga Wilayah Persekutuan yang memerlukan.

"Baru-baru ini kita telah menjalankan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk menghulur bantuan dengan kerjasama Maybank dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertempat di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi Lembah Pantai.

"Program tersebut merupakan salah satu inisiatif yang berteraskan semangat keprihatinan dan tanggungjawab sosial yang mendalam.

"Kerjasama dengan Maybank ini adalah bukti bahawa apabila pihak swasta dan

sektor awam bersatu, impak yang terhasil boleh membawa perubahan besar kepada masyarakat," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata menerusi program tersebut YWP telah menyampaikan sumbangan khas kepada 20 penerima terpilih yang juga merupakan penduduk di PPR tersebut.

"Setiap penerima sumbangan menerima bakul makanan dan juga sumbangan wang tunai RM300 yang mana mereka semua ini telah dipilih oleh pihak JKJ.


"Selain itu, menerusi program ini juga Pusat Pemerkasaan Pendidikan Dan Komuniti (PREPKOM) di PPR Kerinchi ini akan menerima penajaan oleh Maybank selama dua tahun," katanya kepada pemberita selepas Program CSR Menghulur Bantuan pada Sabtu.

Abdul Rahman turut berharap menerusi program ini pihaknya dapat menarik lebih banyak badan korporat untuk sama-sama

turun membantu golongan berpendapatan rendah (B40).

"Ribuan terima kasih diucapkan kepada Maybank serta JKJ di atas kerjasama dan program yang dianjurkan ini. Mudah-mudahan dengan usaha sedikit ini dapat membantu mereka yang tinggal di kawasan PPR.

"Saya nak cadangkan supaya di setiap PPR untuk mewujudkan satu komuniti bagi mencari mereka yang memerlukan bantuan serta keperluan harian dan bantu daftarkan mereka untuk menerima bantuan. Kita tak janji akan bantu semua tetapi setidaknya kita boleh beri sedikit sumbangan," ujarnya.

Dalam pada itu, Abdul Rahman berkata sebelum akhir tahun ini, pihak YWP juga akan bekerjasama dengan JKJ bahagian Wilayah Persekutuan bagi menyelaraskan segala bentuk bantuan yang diperlukan warga kota. 

Martabat tradisi

SERAMAI 2,378 peserta dijangka akan terlibat di dalam pertandingan permainan tradisional sempena Festival Permainan Malaysia @ Kuala Lumpur 2024 (FPM@KL 2024).

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) berkata festival kali ini turut menjadi salah satu pengisian utama bagi Program Hari Malaysia 2024 bersama Festival Gendang dan Tari Antarabangsa dan Kuala Lumpur Cinta Rasul di bawah penyelarasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).


"Intipati utama FPM@KL 2024 adalah pertandingan permainan tradisional di antara badan beruniform, sektor korporat dan juga institusi pengajian tinggi yang akan dikelolakan oleh Persatuan Sukan Tradisional Malaysia seperti tarik tali, galah panjang, tuju tin dan banyak lagi.

"Selain itu, permainan legenda rakyat seperti terompah gergasi, bola beracun, raja dijulang dan banyak lagi turut diadakan.

"Seperti sebelumnya, FPM@KL turut menampilkan acara bertaraf dunia iaitu Kejohanan Tarik Tali Kelab-Kelab Antarabangsa di mana sebanyak tujuh kategori akan dipertandingkan. Setakat ini kelab-kelab dari negara Brunei, Taiwan dan Singapura telah mengesahkan penyertaan dalam acara ini manakala sebanyak 60 kelab tempatan dari seluruh Malaysia akan turut serta," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, pada tahun ini juga beberapa acara baharu telah diperkenalkan seperti Pertandingan Tarian Singa Interaktif, Jom Solat Subuh Macam Jumaat, Pertandingan Catur Cina dan Pasar Saloma.

"FPM@KL kali ini turut melancarkan Senam Seni 2.0 iaitu modul baharu senam seni yang merupakan aktiviti olah tubuh hasil inisiatif daripada JKKN menggunakan kaedah gerak tari.

"Majlis Perasmian Festival Permainan Malaysia @ Kuala Lumpur 2024 diadakan pada 15 September ini (Ahad) pukul 8.30 pagi di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dan disempurnakan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa," ujarnya. 

Langkah pemudah ke Arab Saudi

KUNJUNGAN ke Arab Saudi kini lebih mudah diakses dan selamat bagi rakyat Malaysia setelah Pihak Berkuasa Pelancongan memperkenalkan beberapa langkah pemudah utama.

Pihak Berkuasa Pelancongan Arab Saudi berkata menerusi langkah tersebut membolehkan rakyat Malaysia menunaikan umrah, melawat Masjid Nabawi dan menerokai destinasi pelancongan yang pelbagai di Arab Saudi.

"Ia termasuk tapak keagamaan, budaya dan warisan di kedua-dua kota suci serta mencipta kenangan yang tidak akan dilupakan," katanya dalam satu kenyataan media.

Tambahnya, melalui platform Visit Saudi atau semasa ketibaan di pintu masuk Arab Saudi, rakyat Malaysia kini boleh mendapatkan visa lawatan elektronik dengan mudah.

"Visa ini membenarkan kemasukan berulang kali dan tempoh tinggal sehingga 90 hari setahun. Pelawat boleh menunaikan



MOHD NA'IM (empat kanan) dan **Tawfiq** (lima kanan) semasa Pameran Nusuk di Kuala Lumpur.

Umrah, berdoa di Masjid Nabawi dan bahkan melawat Al-Rawdah Al-Sharifah yang dihormati, dengan syarat tempahan dibuat lebih awal melalui platform kerajaan bersepadu 'Nusuk'.

"Nusuk dilancarkan pada tahun 2022 dengan kerjasama Kementerian Haji dan Umrah di mana inisiatif ini selaras dengan matlamat beraspirasi tinggi untuk menyambut 30 juta jemaah sebagai sebahagian

daripada Visi Saudi 2030.

"Selain itu, komitmen Pihak Berkuasa Pelancongan Saudi untuk memudahkan perjalanan bagi jemaah Malaysia telah membawa kepada kemasukan bahasa Melayu (bahasa Malaysia) dalam pusat panggilan bersepadu Nusuk yang beroperasi 24/7 untuk membantu jemaah dan pelawat.


"Lebih-lebih lagi, wanita Malaysia kini boleh melancong ke Arab Saudi tanpa perlu ditemani oleh mahram (penjaga lelaki) menjadikan kerajaan destinasi yang menarik bagi pelancong antarabangsa, terutamanya wanita, seperti yang diiktiraf oleh laman web keselamatan perjalanan global," katanya.

Jelasnya lagi di Madinah, selepas melawat Masjid Nabawi dan berdoa di Al-Rawdah Al-Sharifah, jemaah Malaysia boleh menerokai Gunung Uhud dan Medan Syuhada, melawat Kompleks Raja Fahd untuk Percetakan Al-Quran, Masjid Quba, Masjid Qiblatain serta Muzium Warisan Madinah, yang semuanya

menawarkan pengalaman yang memperkaya rohani dan informatif.

"Di Mekah, rakyat Malaysia boleh melawat Jabal Al-Nour dan Gua Hira, tempat di mana Nabi Muhammad SAW menerima wahyu pertama. Terdapat juga Pameran Kiswa Kaabah yang mempamerkan proses rumit menenun Kiswa (kain yang menutupi Kaabah) sambil menonjolkan sejarahnya dan inskripsi Al-Quran yang terukir di atasnya.

"Satu lagi harta sejarah yang menarik ialah Lalan Zubaydah, sebuah lalan terkenal yang digunakan oleh jemaah yang datang dari Iraq dan beberapa bahagian Levant ke tapak-tapak suci dengan sisa-sisa peninggalannya yang masih dapat dilihat sehingga hari ini," ujarnya.

Terdahulu, Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Dr Tawfiq Al-Rabiah dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar hadir pada Pameran Nusuk di Kuala Lumpur. 



KU SEMAN KU HUSSAIN

PENGARUH ISLAM PADA BANGUNAN BERSEJARAH

DARI Jalan Hishamuddin di Kuala Lumpur menuju Jalan Raja, sebelah kanan ada bangunan stesen kereta api. Dulu stesen itu amat sibuk kerana di situlah stesen yang menghubungkan utara dan selatan yang kini dipindahkan ke KL Sentral. Sebelah kiri ada bangunan bekas ibu pejabat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Terus ke Jalan Raja dan di kanannya berdiri teguh Bangunan Sultan Abdul Samad.

Sebelah kiri adalah Dataran Merdeka yang dulunya dikenali sebagai Padang Kelab Selangor. Padang yang penuh sejarah sekali gus menyaksikan turunya bendera Union Jack pada pukul 12.01, 31 Ogos 1957. Di hujung sebelah kanan Dataran Merdeka ada Perpustakaan Kuala Lumpur. Tidak jauh dari situ ada pula Muzium Tekstil.

Semua bangunan itu didirikan pada zaman penjajahan British akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 sebagai pejabat dan pusat pentadbiran di Selangor. Maknanya bangunan itu berusia sekitar satu abad dan kini menjadi antara tarikan pelancong di Kuala Lumpur. Seni binanya amat berbeza dengan bangunan moden lain termasuk yang tinggi menyapu awan.

Saya percaya sebahagian besar dalam kalangan warga kota sudah jemu melihat semua bangunan yang lama itu. Sekalipun menjadi tarikan pelancong, tetapi bagi sebahagian besar orang tempatan tidak ada yang menariknya tentang bangunan yang penuh dengan kubah itu.

Sejak mula menjejak kaki ke Kuala Lumpur empat dekad lalu, saya memang amat terpesona dengan seni bina pada semua bangunan itu. Seperti tidak puas melihat dan menyentuh dengan tangan pada bangunan yang dibina akhir abad ke-19 lalu. Bangunan Sultan Abdul Samad



MUZIUM Tekstil merupakan salah sebuah bangunan peninggalan penjajah yang dipulihara sebagai bukti sejarah yang nyata. - Gambar hiasan

dan Perpustakaan Kuala Lumpur misalnya, amat luar biasa kerana kubah-kubahnya.

Saya tertanya-tanya kenapa banyak kubah pada semua bangunan itu? Pertama, kubah bukan seni bina yang menggambarkan pengaruh British. Kedua, kubah juga bukan berasal daripada seni bina tradisi Nusantara. Mengapa British memilih kubah sebagai pengenalan pada bangunan yang didirikan semasa menjajah negara ini?

Keterpesonaan saya itu mungkin disebabkan tidak pernah melihat bangunan seumpama itu sebelum datang ke Kuala Lumpur. Bagaimanapun selepas empat dekad, saya tetap melihat dengan rasa yang penuh kagum terutama daripada sudut seni bina yang amat menonjol pengaruh Islamnya.

Memang benar, semua bangunan itu didirikan oleh British. Bagaimanapun yang menariknya tidak ada sedikit pun pengaruh British pada seni binanya. Sebaliknya memancarkan seni bina Moorish dari tamadun Islam di Sepanyol dan Mughal yang menonjol di India pada abad ke-16 hingga ke-19. Kedua-dua seni bina itu menggabungkan elemen yang mempunyai pertautan amat rapat dengan tamadun dan zaman kegemilangan Islam.

SENI BINA EKSOTIK

PERKARA itulah yang menjadikan bangunan peninggalan penjajah itu amat berbeza dengan beberapa bangunan lain yang dibina pada zaman yang sama. Misalnya Hotel Majestic dan Panggung Coliseum yang dibina pada tahun 1930 serta bangunan rumah kedai di sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman yang menggunakan seni bina Neo Classic dan Art Deco yang membawa pengaruh Eropah.

Hal itu menunjukkan kekaguman British dan negara-negara Eropah lainnya terhadap pengaruh empayar Islam zaman Uthmaniyah. Sekalipun ketika bangunan itu dibina empayar Uthmaniyah sudah berada di penghujung kegemilangan, akan tetapi masih berpengaruh. British tentunya ketinggalan sekiranya tidak menumpang kegemilangan Empayar Uthmaniyah.

Kita beruntung, sekalipun bangunan itu adalah peninggalan penjajah negara ini tetapi mempunyai pertautan yang akrab daripada seni bina yang diangkat daripada pengaruh zaman kegemilangan empayar Islam yang begitu sejagat sifatnya. Maka tidak hairan apabila hal itu turut mempengaruhi cita rasa British dalam mereka bentuk bangunan yang digunakan sebagai pejabat pentadbiran.

Moorish merujuk pada seni bina yang berasal dari tamadun Islam Empayar Uthmaniyah di Sepanyol yang ciri-ciri utamanya ada kubah, lengkungan terutama pada bahagian pintu, bermotifkan geometri serta penggunaan jubin dan sangat akrab dengan kolam dan taman dalaman yang indah. Hasil seni bina Moorish tertera pada bangunan-bangunan bersejarah antaranya Alhambra di Granada, Masjid Cordoba dan Menara Giralda di Seville.

Sementara seni bina Mughal pula berasal daripada Empayar Mughal di India yang diasaskan oleh keturunan Monggol dan Turki. Ciri-ciri utama seni bina Mughal juga adalah kubah dan lengkungan. Bangunan yang berseni bina Mughal adalah Taj Mahal di Agra, Fort Red dan Pusara Humayun di Delhi, India.

Bangunan British di Kuala Lumpur menggabungkan kedua-dua seni bina yang sarat dengan pengaruh Islam itu. Kalau diperhatikan bangunan stesen kereta api Kuala Lumpur, pejabat KTM, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Perpustakaan Kuala Lumpur, semuanya ada kubah di atasnya dan bentuk-bentuk lengkungan yang begitu dominan.

Kedua-dua seni bina itu menjadi penanda zaman pada abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Bukan sahaja di Sepanyol atau India malah hampir seluruh dunia. Ketika bangunan itu dibina, kedua-dua seni bina itu dianggap suatu yang amat megah dan eksotik. Itulah gambaran seni bina itu pada zaman tersebut.

Bangunan yang berusia lingkungan seabad itu mengimbangi wajah Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang begitu pesat membangun. Sebahagian besar bangunan selepas merdeka bercirikan seni bina moden, mencerminkan

pengaruh dan cita rasa semasa yang minimalis. Bahan-bahan pula lebih banyak daripada cermin yang menjadikan seolah-olah balang atau kotak kaca yang tersergam di tengah kota.


Sekalipun begitu, kita amat beruntung kerana semua bangunan lama termasuk peninggalan penjajah itu dilindungi bawah Akta Warisan Negara 2005 (Akta 645). Masa yang sama Jabatan Warisan Negara bertanggungjawab memulih dan memulihara keaslian bangunan berkenaan. Secara umumnya bangunan yang diwartakan sebagai warisan dilindungi daripada sebarang pengubahsuaian struktur dan seni bina yang asal. Maknanya bangunan berkenaan hanya dipulihara daripada kerosakan tetapi tetap mengekalkan ciri-ciri yang asal.

Maka bangunan peninggalan penjajah itu terus dipulihara supaya berdiri sebagai bukti sejarah yang nyata. Jabatan Warisan Negara memikul tanggungjawab besar dalam memastikan bangunan berkenaan terpelihara dan masa yang sama mengekalkan ciri-ciri yang asal. Hal itu kerana bangunan atau monumen adalah salah satu daripada penanda zaman. Setiap zaman ada tanda pengenalan, salah satunya terpancar daripada seni bina yang dipengaruhi oleh faktor sosial dan budaya sezaman.

Jiwa yang merdeka tentunya tidak akan terganggu dengan pemuliharaan bangunan peninggalan penjajah di negara ini. Malah usaha itu memberikan kefahaman serta penghayatan kepada generasi semasa tentang sejarah penjajahan dan pengaruh seni binanya. Oleh itu, kita perlu berbangga kerana kegemilangan empayar Islam mempengaruhi seni bina bangunan peninggalan British di Kuala Lumpur.

RAGAM KOTA


MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya. Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 279 . 13-19 SEPTEMBER 2024



DARI MALAYA KE MALAYSIA

»» 10-11

NYALA OBOR CINTA NEGARA

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

MALAYSIA adalah nama yang dipilih semasa penubuhan kerajaan persekutuan yang menggabungkan kerajaan-kerajaan negeri di Semenanjung Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura pada 16 September 1963.

Pada ketika itu, penubuhan kerajaan ini mendapat tentangan dari negara jiran, Filipina dan Indonesia hingga memaksa diadakan satu pungutan suara penduduk di Sabah dan Sarawak.

Nama Malaysia sebenarnya telah pun wujud seawal tahun 1831 setelah diperkenalkan oleh seorang pelayar Perancis yang bernama Jules Dumort d'Urville. Nama asalnya adalah dalam bahasa Perancis, daripada gabungan perkataan 'Malais' (Melayu) dan Nesie (Pulau).

Pada tahun 1835 nama tersebut telah diterjemahkan oleh Thomas G. Bradford seorang warga Amerika Syarikat sebagai Malaysia dan telah digunakan pada peta yang dilakarkannya. Semenjak itu, nama Malaysia telah diterima pakai dalam konsep Geografi.

Bapa Kemerdekaan, Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj Idris Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah telah memilih nama Malaysia bagi merujuk titik persamaan yang ada antara warga peribumi di Tanah Melayu dan Borneo iaitu orang Melayu dan peribumi Sabah serta Sarawak adalah daripada etnik rumpun yang sama.

Kini, sambutan dua hari kebangsaan secara berkembar iaitu Hari Kemerdekaan (31 Ogos) dan Hari Malaysia (16 September) telah mula dilaksanakan secara rasmi semenjak tahun 2010. Setelah 61 tahun berlalu, negeri Sabah dan Sarawak di bumi Borneo semakin pesat maju dan berkembang seiring dengan peredaran masa.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi

MARA (UiTM), **Norazlinda Mohammad**, sambutan Hari Malaysia pada 16 September adalah hari yang signifikan bagi seluruh rakyat untuk memperingati usaha pemimpin serta rakyat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada tahun 1963 untuk hidup bersama sebagai sebuah negara dan bangsa.

"Hari Malaysia memberikan makna yang cukup besar kepada rakyat kerana ia adalah detik penting dalam menyatukan rakyat di ketiga-tiga wilayah pada ketika itu.

"Peristiwa ini sangat relevan, signifikan dan dikenang selain menyambut Hari Merdeka kerana peristiwa bersejarah itu disaksikan seramai 30,000 rakyat di Stadium Merdeka. Inilah peristiwa yang termaktub bagi pemimpin serta rakyat dari tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak apabila bersetuju untuk hidup bersatu sebagai sebuah negara juga bangsa.

"Pepatah Melayu ada



NORAZLINDA



mengatakan bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Sesungguhnya, rahmat keamanan dan kesejahteraan perlu dirasai seluruh rakyat yang merangkumi seramai 34.1 juta ini bagi menyemai semangat kebangsaan, nasionalisme dan patriotisme dengan mengekalkan perpaduan serta kestabilan agar negara tidak goyah malah terus berkekal demi memenuhi harapan semua.

"Wahai rakyat Malaysia, suburkan semangat cintakan tanah air dan nyatakan obor kemerdekaan di hati agar negara Malaysia tetap berdiri megah di mata dunia dengan masyarakat majmuk yang mengamalkan sikap toleransi meskipun mempunyai pelbagai fahaman, warna-warna kehidupan, etnik, budaya, agama dan bangsa berbeza namun tetap teguh sama-sama memelihara kemakmuran negara.

"Itulah definisi perpaduan, membentuk negara persekutuan yang damai, permai tanpa sengketa. Hari Malaysia diraikan megah pada setiap tahun bagi menyemarakkan perpaduan di negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak," ujarnya.

Beliau berkata kemajuan pembangunan dan ledakan teknologi sama-sama dinikmati bukan sahaja di Semenanjung bahkan di Sabah dan Sarawak.

"Oleh yang demikian, jauhkan pemikiran etnosentrik yang jumud atau sifat kenegerian kerana ia bukan sahaja merugikan malah boleh mencetus implikasi perbalahan dan pertumpahan darah. Hentikan menghina, mempersenda atau memperlekeh sesama sendiri bagi membentuk dan mengekalkan persefahaman yang baik dan sudah tercipta selama ini.

"Justeru itu, selain Rukun Negara, bahasa Melayu perlu dimartabatkan

sebagai bahasa kebangsaan di dalam menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia demi keharmonian dan kedaulatan negara.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menekankan konsep Malaysia MADANI yang berteraskan kepada enam nilai utama iaitu keMampanan, keSejahteraan, Daya cipta, Hormat, keYakinan dan Ihsan," ujarnya.

Norazlinda berkata gagasan Malaysia MADANI ialah konsep yang berteraskan nilai-nilai murni dan kemanusiaan yang harus didukung serta diamalkan bukan hanya pada pemimpin negara tetapi juga disemai dalam setiap sanubari rakyat Malaysia.

"Umumnya, dasar Malaysia MADANI telah dilancarkan secara rasminya pada 19 Januari di Putrajaya. Gagasan ini juga diterjemahkan niat dan hasrat Perdana Menteri di dalam mentadbir urus negara ke arah keadilan, kebaikan, bersatu padu, maju dan sejahtera di dalam memacu pembangunan negara Malaysia.

"Bak kata pepatah Melayu, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Malaysia sememangnya istimewa kerana kita mempunyai pelbagai bahasa, bangsa, kaum, agama, etnik dan pelbagai budaya yang berbeza.

"Ia merangkumi seluruh rakyat dari Semenanjung hinggalah kepada Orang Asli dari Sabah dan Sarawak yang mempunyai harapan serta masa depan yang sama, membina negara Malaysia yang aman sejahtera, saling berganding bahu memupuk kebersamaan, bersatu, harmoni serta berdaulat," ujarnya.

ELAK SENTIMEN 3R

USAHA memupuk integrasi


nasional perlu berpanjangan demi meningkatkan persefahaman yang baik, jitu dan meningkatkan kesepaduan dengan meraikan perbezaan serta kepelbagaian namun tetap bersatu dan harmoni di bawah naungan dan pegangan yang sama iaitu berpaksi kepada gagasan Malaysia MADANI.

Norazlinda berkata masyarakat perlu ketepikan perbezaan pendapat, ideologi dan elakkan bermain dengan sentimen 3R iaitu mempersoalkan kedaulatan raja, kaum dan agama yang sememangnya akan mencetuskan ketegangan kaum, pertelingkahan serta mengancam keamanan juga perpaduan rakyat.

"Bahkan, perlu dipastikan maruah negara terpelihara, bukan sahaja dipandang mulia oleh negara luar tetapi juga sebagai pemangkin ekonomi dan melestarikan perhubungan antarabangsa.

"Sifat saling menghormati seperti yang digariskan di dalam Malaysia MADANI perlu diterapkan oleh rakyat Malaysia demi membina keyakinan dan kesejahteraan bukan sahaja dalam kalangan penduduk negara ini malah juga di mata pelabur serta pelancong asing. Langkah ini sekali gus dapat memelihara kestabilan politik, sosial, ekonomi dan menjana pendapatan negara," ujarnya.

Di samping itu, beliau berkata jati diri harus diperkukuh demi melawan bahaya pengaruh luar di era globalisasi yang mencabar dan boleh merosakkan identiti diri kita sebagai anak Malaysia.

"Pastikan terus memberi sokongan kepada Kerajaan Perpaduan, Malaysia MADANI kerana dengan gagasan ini membantu memperkasa perpaduan, membina negara bangsa yang perkasa, harmoni dan berdaulat," ujarnya. 

KENALI MALAYSIA

Fakta-fakta Penting

31 Ogos 1957

Hari Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu

16 September 1963

Penubuhan Gagasan Malaysia
*Tanah Melayu, Sabah, Sarawak & Singapura

Islam 

adalah agama persekutuan (bukan agama rasmi)

Putrajaya

pusat pentadbiran rasmi kerajaan Malaysia 

Jalur Gemilang

nama rasmi bendera Malaysia 



Perlembagaan Persekutuan
rujukan perundangan tertinggi di Malaysia



Raja Berperlembagaan

adalah sistem kerajaan di Malaysia, di mana Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara.



34.1 juta penduduk *bancian 2024

Badan Eksekutif

diketuai Perdana Menteri dan melaksanakan semua polisi yang diputus Parlimen

Dewan Rakyat

dipilih melalui pilihan raya dan berfungsi menggubal undang-undang negara

SEJARAH PENUBUHAN MALAYSIA 16 SEPTEMBER 1963



1 27 MEI 1961

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman semasa Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura telah menggagaskan tentang perlunya diwujudkan satu rancangan untuk membawa Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak ke dalam satu bentuk kerjasama politik.

2 23 JULAI 1961

Mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel Cawangan Tanah Melayu dan Borneo di Singapura telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia dipengerusikan oleh Donald Stephen.

3 AGOS 1961

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Sabah.

4 18 - 20 DISEMBER 1961

Mesyuarat kedua Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Kuching, Sarawak.

5 6 & 7 JANUARI 1962

Mesyuarat ketiga Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Dewan Perundangan Negeri Selangor, Kuala Lumpur.



6 17 JANUARI 1962

Suruhanjaya Cobbold telah ditubuhkan bagi meninjau pandangan penduduk negeri-negeri di Borneo utara (Sabah) dan Sarawak. Suruhanjaya dianggotai oleh lima orang ahli iaitu Lord Cobbold,



Datuk Wong Pow Nee, Mohd Ghazali Shafie, Sir Anthony Abell dan Sir David Watherson. Mr H. Haris bertindak sebagai setiausaha.

7 3 & 4 FEBRUARI 1962

Mesyuarat keempat Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia.

8 21 JUN 1962

Laporan Suruhanjaya Cobbold telah disiapkan dan dikemukakan kepada kerajaan British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.



9 JULAI 1962

Kata sepakat dicapai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman dengan Tuan Harold Macmillan, Perdana Menteri British untuk mengadakan rundingan.

10 9 JULAI 1963

Perjanjian penting telah ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough House, London. Perjanjian Penubuhan Persekutuan Malaysia telah ditandatangani oleh wakil-wakil kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.



11 16 SEPTEMBER 1963

Upacara pengisytiharan Malaysia diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Pengisytiharan penubuhan Malaysia telah dibacakan oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman di hadapan kira-kira 30,000 rakyat.



Perlu dijiwai rakyat

HARI Malaysia yang disambut pada 16 September setiap tahun mempunyai signifikansi yang sama dengan sambutan Hari Kebangsaan dan perlu dijiwai oleh seluruh rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan ideologi politik.

Ini kerana sambutan berkenaan antara lain dapat memastikan perpaduan yang menjadi tunjang kekuatan negara dipelihara selain membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan belia.

Sesungguhnya, segala kejayaan yang dicapai hari ini ditunjangi oleh usaha pengorbanan pejuang-pejuang kita yang terdahulu. Tidak kurang juga ada dalam kalangan rakyat yang akan mengimbuai kembali bibit perjuangan dan pengorbanan dilalui oleh ahli keluarga atau mungkin nenek moyang dalam perjuangan

mendapatkan kemerdekaan dan kesejahteraan negara seperti yang dikecapi hari ini.

Mungkin bagi generasi baharu, perjuangan dan pengorbanan itu hanya didengar dan difahami daripada kisah yang diceritakan oleh ibu bapa atau datuk nenek selain menerusi buku teks sekolah, gambar, video, lokasi sejarah serta mungkin artifak yang dapat diakses daripada pelbagai medium.

Justeru, aktiviti promosi dan hebahan Hari Malaysia perlu diteruskan dan dipupuk supaya generasi akan datang terus memahami susur galur sejarah negara yang penuh dengan perjuangan dan pengorbanan tokoh-tokoh terdahulu dalam usaha membina negara.

Walaupun negara menghadapi pelbagai cabaran

namun perhubungan silang budaya adalah baik dan perlu memastikan agar ikatan perpaduan antara kaum dalam negara yang telah wujud sejak sekian lama dipupuk setiap masa.

Kita semua rakyat Malaysia. Inilah ikatan yang menyatukan kita, marilah kita sentiasa ingat bahawa perpaduan adalah kekuatan asas kita sebagai rakyat dan sebagai sebuah negara. Semua ini dapat dicapai kerana kita masing-masing percaya, walau kita berbeza tetap teguh bersama.

Melalui kemeriahan kibaran Jalur Gemilang, ia pastinya akan menyemarakkan lagi suasana sambutan Hari Malaysia dan secara langsung terus mengetengahkan elemen-elemen perpaduan, keharmonian dan cintakan negara. **17**

Kota Kinabalu jadi pilihan

SAMBUTAN Hari Malaysia 2024 bakal menyajikan pelbagai pengisian menarik bagi menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan pengunjung di Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah pada 16 September ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Infrastruktur Telekomunikasi) Kementerian Komunikasi, **Mano Verabathran** berkata antara pengisian ialah Tarian Sambut Tamu Heart of Sabah dan Upacara Menandatangani Buku Khas Sambutan Hari Malaysia 2024.



MANO

“Selain itu Upacara Memotong Kek Hari Malaysia, Acara Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang dan Upacara Serah Jalur Gemilang.

“Persiapan rapi sedang giat dilakukan agar sambutan berjalan lancar dengan kerjasama pelbagai kementerian, jabatan serta agensi di peringkat Persekutuan dan kerajaan negeri. Semua jawatankuasa yang terlibat bertungkus lumus melaksanakan persiapan bagi memastikan acara dianjurkan tahun ini berlangsung meriah,” ujarnya.

Mano berkata antara kumpulan kesenian yang terlibat ialah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Borneo Art, Satelit, Art UMS, Sekolah Kebangsaan Sembulan dan Ngalay serta artis jemputan khas iaitu Akim, Stacy, Amir Jahari, Gary Chaw dan Faizal Tahir.

“Sementara itu, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan seperti pameran, bazar jualan, pertandingan nyanyian lagu patriotik, pertandingan mencari harta karun di arkib negeri dan balai seni lukis, *night at the archives*, pertandingan e-sukan, kuiz kenegaraan dan pertandingan melukis berkonsepkan tema Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka.

“Wow factor yang akan diketengahkan melibatkan persembahan kebudayaan yang unik, pertunjukan hologram,

persembahan dron, pertunjukan cahaya dan bunyi serta elemen-elemen kreatif yang mencerminkan tema Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka.

“Bagi pengunjung yang ingin memeriahkan acara sambutan, dicadangkan supaya dapat merancang perjalanan lebih awal dan menggunakan kemudahan awam yang disediakan selain membawa payung atau baju hujan memandangkan cuaca yang tidak menentu saban hari,” ujarnya.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Merdeka360 atau ikuti platform media sosial Facebook dan Instagram. **17**

SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2024
16 SEPTEMBER 2024 | ISNIN | 7.00 MALAM
PADANG MERDEKA, KOTA KINABALU, SABAH
SEMUA DIJEMPUT HADIR

#HKHM2024 #MALAYSIAMADANI #JIWAMERDEKA #MERDEKA360



Senjia Nan Merah

DIANA AMIR

LABUAN cukup terkenal sebagai destinasi pelancongan yang mempunyai pakej lengkap untuk dijadikan sebagai pilihan pelancong dalam mahupun luar negara.


Selain keunikan warisan, budaya dan makanan, pulau bebas cukai itu memiliki keindahan alam semula jadi yang masih terpelihara.

Terletak kira-kira 10 kilometer (km) dari pantai barat Sabah, pulau ini terkenal sebagai destinasi aktiviti selam skuba.

Menariknya, pulau mutiara ini juga mempunyai beberapa lokasi indah bagi pelancong menikmati pemandangan matahari terbenam.

Bagi peminat landskap fotografi, lokasi menakjubkan ini memberi kepuasan kepada jurufoto mendapatkan hasil gambar yang memukau.

Antara lokasi yang menjadi tumpuan adalah Pulau Rusukan Besar, Kampung Layang-Layangan, Panchur Hitam, Pantai Layang-Layangan, Labuan Victoria Water dan banyak lagi. 📷



60 AKTIVITI BERTARAF DUNIA

SEBANYAK 60 aktiviti termasuk pelbagai sukan air dan darat dianjurkan sempena Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya (KKPAP 2024) di Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya bermula 19 hingga 22 September ini.

Lebih menarik, karnival tahunan itu adalah penganjuran terbesar berbanding tahun sebelumnya kerana ia menggabungkan karnival sukan komuniti dan sukan air secara serentak.

Program yang dianjurkan selama empat hari itu bertujuan untuk mengukuhkan integrasi sosial dalam kalangan penduduk Putrajaya selain mengeratkan lagi jalinan hubungan baik antara Perbadanan Putrajaya (PPj) sebagai pihak berkuasa tempatan di Putrajaya.

Ikuti sesi wawancara eksklusif wartawan Wilayahku, **SABRINA SABRE** bersama Pengarah Perkhidmatan Komuniti dan Sukan, **ALI JUSOH**.

Pengenalan dan latar belakang ringkas KKPAP 2024?

Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya 2024 merupakan dua acara ikonik tahunan yang dianjurkan oleh PPj dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP).

Karnival Komuniti adalah acara yang diadakan untuk merapatkan hubungan antara komuniti dengan pemegang taruh di lokaliti Putrajaya. Karnival ini merupakan platform untuk komuniti Putrajaya khususnya mempromosikan aktiviti dan hasil produk yang dijayakan melalui Majlis Perwakilan Penduduk serta Persatuan Penduduk setempat.

Karnival ini diadakan dengan kerjasama komuniti Putrajaya, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat swasta yang menyokong serta mempromosikan kegiatan komuniti.

Pesta Air Putrajaya pula merupakan acara dan aktiviti berbentuk pertandingan sukan air iaitu pertandingan perahu panjang pelbagai kategori, *rowing* dan sebagainya yang dianjurkan bagi memeriahkan serta memanfaatkan keindahan tasik Putrajaya.

Kedua-dua acara ini digabungkan dalam satu penganjuran bagi memastikan ianya dapat dinikmati dan dihadiri oleh lebih ramai peringkat umur dan pelbagai kumpulan pengunjung yang mungkin berminat dengan aktiviti komuniti atau acara sukan air. Ini dapat meningkatkan jumlah kehadiran dan memberikan peluang yang lebih besar untuk penyertaan.

Objektif dan matlamat keseluruhan karnival?

KKPAP pada tahun ini dirangka berkonsepkan *mass infotainment* merangkumi semua lapisan umur dan jantina komuniti Putrajaya.

Objektif penganjuran pula adalah sebagai wadah yang mengumpulkan semua aktiviti masyarakat bagi komuniti Putrajaya melalui penyertaan aktif di dalam penganjuran KKPAP mahupun sebagai pengunjung.

KKPAP juga bermatlamat untuk mengukuhkan interaksi sosial, memberikan dan mengetengahkan maklumat perkhidmatan PPj melalui pameran yang disediakan serta menyediakan pelbagai aktiviti dan pertandingan.

Selain itu, ia bertujuan untuk mempromosikan lokasi baharu bagi penganjuran acara untuk komuniti iaitu di Kompleks Futsal Presint 18 dan memeriahkan tasik Putrajaya sebagai lokasi utama bagi penganjuran sukan air di peringkat dalam dan luar negara sekali gus menjadikan Putrajaya sebagai pusat kecemerlangan sukan yang berprestij tinggi.

Apakah kelainan yang akan ditonjolkan selama empat hari ini?

Bagi komponen Karnival Komuniti, PPj telah merangka sebanyak 60 aktiviti yang akan berlangsung sepanjang empat hari tiga malam.

Antara aktiviti dan program yang diadakan adalah 35 pertandingan untuk pelbagai peringkat umur,

Forum Perdana Hal Ehwal Islam, Konsert Aku dan Dia, Pameran 40 Agensi Kerajaan dan Swasta (Perkhidmatan/Jentera Penguat Kuasa/Bas Bergerak), Jualan Rahmah MADANI, aktiviti kanak-kanak, 120 jualan dari Pasar Saloma, jualan usahawan Komuniti Putrajaya, OSCC Fun Run 2024, Malam Wow Zapin Putrajaya (Battle of Zapin), Showcase Dikir Madani #Gegar Nusantara/Gabungan tiga negara serta pelbagai Pocket Show/Talk.

Bagi komponen Sukan Air Putrajaya 2024, tarikan utama adalah pertandingan perahu panjang 250 meter (perahu 12 & 22 crew - L&P) bagi kategori Komuniti Sub Zon, Sekolah Menengah Putrajaya dan Agensi Jemputan Bagi Kejohanan Sukan Piala Presiden PPj.

Seterusnya, SOT (*single & double* - L&P) bagi kategori Sekolah Menengah Putrajaya, Komuniti Sub Zon termasuk *Indoor Rowing* bagi kategori Sekolah Menengah Putrajaya dan Terbuka Putrajaya.

Tidak ketinggalan, Kejohanan Sukan Piala Presiden (KSPP) antara agensi dan komuniti peringkat Putrajaya 2024 bagi acara futsal, bola jaring, sepak takraw dan dart turut diadakan.

Tarikan utama yang bakal menarik minat pengunjung?

Forum Perdana Hal Ehwal Islam: Acara yang dibawakan khas secara langsung menerusi RTM1 dengan kerjasama Bank Islam pada 19 September 2024 pukul 8.30 malam. Konsert Aku dan Dia: Sebuah

konsert berkonsepkan kerohanian yang melibatkan pelajar sekolah dari SMK Putrajaya 16 serta jemputan artis seperti Aris Ariwatan dan Zulhandy Black.

Selain itu, Jualan Pasar Saloma, pelbagai jenis jualan kopi, Jualan Usahawan Komuniti Putrajaya di bawah Kelab Usahawan Putrajaya yang diselai oleh PPj.

Seterusnya, Jualan Rahmah MADANI dengan kerjasama Angkatan Koperasi Malaysia (ANGKASA) bersama Koperasi Perbadanan Putrajaya (PutraKop), Battle Of Zapin: Kerjasama penuh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan (JKKN) Wilayah kumpulan yang terawal mendaftar akan berentap dan merebut hadiah utama RM5,000 untuk setiap kategori.

KKPAP juga menampilkan 40 pempamer agensi kerajaan dan swasta seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan aset-aset dari Perbadanan Putrajaya.

Lebih menarik, 300 cabutan bertuah dengan hadiah utama sebuah motosikal Yamaha Y15 V2, pakej-pakej percutian dan pelbagai barangan elektrik menanti pengunjung.

Untuk Sukan Air Putrajaya 2024 adalah Sukaneka Air antaranya tangkap itik, pukul bantal, meniti basikal dan lain lain.

Pendaftaran pada hari sukaneka air dijalankan secara *online*. Di samping itu, kita turut membuka Booth Decathlon untuk jualan barangan sukan air dan sukan yang lain.

Boleh ceritakan tentang aktiviti-aktiviti yang melibatkan kerjasama komuniti?

Hampir semua aktiviti-aktiviti yang dirangka oleh PPj akan melibatkan kerjasama komuniti Putrajaya melalui Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP), Persatuan-Persatuan Penduduk Wilayah Persekutuan dan NGO di Putrajaya dari awal lagi. Mereka semua yang akan

merancang dan melaksanakan sendiri aktiviti atau pertandingan untuk para pengunjung dengan *tagline* dari komuniti untuk komuniti.

Untuk makluman, di karnival nanti terdapat zon Laman Komunitiku, zon ini lah yang akan diuruskan oleh pihak komuniti Putrajaya sendiri. Dalam zon ini, Terdapat *showcase* kebudayaan (datangnya dari komuniti Putrajaya sendiri), bengkel seni tari dan masakan seni warisan.

Rakan kerjasama dan strategik KKPAP 2024?


Rakan strategik utama pada tahun ini sudah semestinya adalah Bank Islam Malaysia Berhad yang sentiasa bersama-sama dalam KKPAP 2024. Seterusnya, MPPWP Putrajaya dan Persatuan Penduduk (penyertaan komuniti dalam pelbagai pertandingan yang dianjurkan).

Di samping itu, kerjasama daripada pelbagai kementerian dan agensi untuk membuka reruai, menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan setiap agensi untuk para pengunjung dan Persatuan Kanu Putrajaya & Persatuan Rowing Putrajaya - Pegawai Teknikal Pertandingan Pesta Air Putrajaya.

Sasaran pengunjung bagi KKPAP 2024?

KKPAP menyasarkan seramai 100,000 pengunjung. Walaupun nama karnival ini adalah Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya, namun sebenarnya ia adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh layari media sosial kami Facebook @Perbadanan Putrajaya; X @putrajayacorp; Instagram, YouTube dan TikTok @perbadananputrajaya serta melalui laman sesawang PPj di www.ppj.gov.my.

Jangan lupa untuk *hashtag* kami pada setiap hantaran anda iaitu #KKPAP2024; #karnivalkomuniti; #pestaairputrajaya dan #indahnyaputrajaya. 



ZIZAN

JOZAN

JOHAN



astro SHAW

BAIK PUNYA AH-LONG

ASTRO SHAW, GOLDEN SCREEN CINEMAS, PETRA VISION WORKS PRESENTS BAIK PUNYA AH LONG A PETRA VISION WORKS PRODUCTION
ZIZAN RAZAK JO HANANIA LIYANA JASMAY DATO' AFDLIN SHAUKI ADLIN AMAN RAMLIE ADIBAH NOOR CHEW KINWAH ILEANA MATIN SHAUKI MIA SARA SHAUKI
SOUND DESIGNER SCIFI STUDIO MUSIC COMPOSER DR SYED AHMAD FAIZAL MAKE UP EDS ARIPPIN COSTUME DESIGNER NAZIRAH RAMLAN PRODUCTION DESIGNER NAZRUL ASHRAFF MAHZAN, EDITOR & CO DIRECTOR AIZAM SYAMSUL FOAM
DIRECTOR OF PHOTOGRAPHY HELMI YUSOF HEAD OF BRAND, DISTRIBUTION, SALES & MARKETING NORSALVINA ALWEE EXECUTIVE PRODUCERS RAJA JASTINA RAJA ARSHAD, DATUK (DR) VINOD SEKAR, DATO' AFDLIN SHAUKI, YK TUNG
PRODUCERS DATO' AFDLIN SHAUKI, DATIN MARCELLA BIDDULPH, AKO MUSTAPHA STORY BY DATO' AFDLIN SHAUKI WRITERS DATO' AFDLIN SHAUKI, HARIS M. NOR, SHAFIQ AZRAEI SHAH
DIRECTOR DATO' AFDLIN SHAUKI FDAM

astro SHAW DI PAWAGAM 12 SEPTEMBER 2024





DARI RUSIA DENGAN CINTA

FROM Russia With Love – suatu judul filem yang telah berdekad lama dan sinonim dengan jenama suatu sosok watak fiksiyen yang dikenali ramai. Tetapi apa yang ingin dibicarakan adalah bukan suatu fantasi, tetapi ia suatu realiti yang benar. Dan sosok benar itu adalah Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia yang ke-10.

Kehadiran Anwar ke Vladivostok, Rusia adalah di atas jemputan khusus oleh tidak lain tidak bukan, orang kuat Rusia sendiri, Presiden Vladimir Putin. Putin begitu mendambakan kehadiran Perdana Menteri ke Vladivostok. Bahasa badan yang ditunjukkan Putin mencerminkan sikap hormat dan memandang tinggi kepada seorang pemimpin yang disegani.

Perkara ini amat menarik buat pemerhati geopolitik kerana Presiden Putin itu sendiri amat terkenal dengan persona yang mengagumkan kawan, aura intimidasi kepada lawan dan tidak berselindung dengan bahasa badannya terhadap mana-mana tokoh-tokoh dunia.

Apa yang lebih wajar dibicarakan adalah pertemuan Anwar dan Putin ini sebenarnya suatu mesej kepada dunia yang sangat jelas – Malaysia kini sangat dihormati dan adalah antarabangsa dan dunia diplomasi.

Suatu ketika tidak berapa lama yang dahulu, suasana imej Malaysia amat suram, terpalit dengan cerita-

cerita negatif yang menyebabkan negara ini tidak diberi perhatian malahan acap kali terpinggir.

Lebih malang di rantau ini watak-watak hebat seperti Presiden Jokowi menenggelamkan terus Malaysia di mata antarabangsa. Tapi kini tidak lagi, Anwar telah meletakkan Malaysia pada darjat yang tinggi di mata dunia.

Malaysia menelusuri dengan pantas jalan-jalan menjadi sebuah negara hebat sejak Kerajaan MADANI menjadi pemacu kepada reformasi menyeluruh di dalam pelbagai aspek – ekonomi, politik dan sosial.

Walau ada cemuhan dan sindiran, ia tidak pernah menjadi penghalang kepada Perdana Menteri dan pasukan MADANI mengorak langkah ke arah yang lebih baik untuk negara bertuah ini.

Daripada peningkatan KDNK yang menjangkau sasaran organisasi antarabangsa, kepada kejayaan menarik penarikan pelaburan asing antara tertinggi di Asia tahun ini, pemulihan ekonomi berteraskan formula Ekonomi MADANI tidak lagi ditertawakan. Data dan fakta menunjukkan formula yang selalu disindir ini telah terbukti membuahkan hasil.

Kejayaan demi kejayaan ini sebenarnya berpunca daripada perubahan sikap, peningkatan produktiviti dan kesediaan rakyat Malaysia untuk bersama-sama mengangkat darjat negara.

Mantra tatakelola yang acap

kali dicanang oleh Anwar telah menyerap ke dalam perkhidmatan awam, syarikat berkaitan kerajaan dan sektor swasta. Pengukuhan integriti telah membuahkan hasil.

Cemuhan dan sindiran mula beransur menjadi penghargaan dan keyakinan.

Keyakinan ini turut berjaya meraih perhatian daripada pemimpin-pemimpin dunia yang berebut-rebut menjemput Anwar dan pasukan MADANI.

Begitu ramai tokoh negara asing juga bergegas ke Malaysia untuk merealisasikan strategi Indo-Pasifik mereka termasuk New Zealand dan Kanada.

Dan inilah yang turut berlaku terhadap pemimpin tertinggi Rusia, Vladimir Putin yang melihat Anwar ini sebagai suatu sosok yang sangat penting untuk didampingi dan dijadikan rakan karib.

Apatah lagi pada tahun 2025 Malaysia akan menjadi Pengerusi ASEAN. Aura dan pesona Perdana Menteri ini semakin hari semakin kuat dan dilihat sebagai tokoh di rantau Asia Tenggara yang amat hebat.

Selamat jalan Pak Jokowi, terima kasih sekian tempoh menjadi 'Poster Boy' Asia Tenggara. Tapi mohon izin ketepi, ada sosok bernama Anwar Ibrahim yang kini dilihat sebagai individu yang amat berpengaruh di mata dunia.

Maka apabila Anwar menerima pelawaan Putin untuk bertandang ke negara kuasa besar itu, sudah

pasti deretan manfaat akan mengalir ke Malaysia. Rusia mempunyai pelbagai sumber dan teknologi yang mampu memenuhi keperluan Malaysia dalam bidang ekonomi dan kewangan, pertanian, pendidikan, sosial dan kesihatan yang boleh dimanfaatkan bersama.

Rusia juga sejak sekian lama sentiasa bersedia melaksanakan perdagangan barter melibatkan penukaran minyak kelapa sawit dari Malaysia. Ini sudah pasti memberi impak positif kepada industri sawit Malaysia, terutama pekebun kecil dan peneroka tanah rancangan.

Rakan-rakan karib Rusia juga sudah terbukti mampu memperluas potensi perdagangan dengan Malaysia dalam pelbagai sektor. Justeru pemohonan Malaysia untuk menyertai BRICS dilihat sudah ibarat kali sudah melangkah sebelah untuk diterima menjadi ahli.

Potensi nilai perdagangan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia akan mendapat manfaat yang besar apabila Rusia dan negara-negara akrab dengan Rusia memberi keyakinan dan keutamaan tinggi kepada Malaysia.

Rakan karib dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Rakan karib dalam bidang sosial dan pendidikan. Rakan karib dalam bidang keselamatan dan pertahanan. Rakan karib yang menjadi simbol diplomasi dan pejuang keamanan sejagat.

Usaha keras seluruh rakyat Malaysia yang menyahut seruan Anwar agar kita memperkukuh perpaduan kini semakin membuahkan hasil. Dalam semangat bulan kemerdekaan yang masih kuat membara, amat jelas perpaduan yang menjadi teras kekuatan Malaysia ini lahir daripada kesatuan dalam kepelbagaian.

Apa yang dibawa dalam semangat Malaysia MADANI itu bukan hanya slogan retorik. Semakin hari semakin membuktikan apabila negara di bawah kendalian yang betul, disokong oleh rakyat jelata yang bersedia berganding bahu untuk mengangkat martabat Malaysia menjadi negara yang hebat, sudah pasti kejayaan demi kejayaan akan diraih. Menjaga amanah negara dengan tertib itu pasti ada rahmat dan ganjarannya.

Ya, Anwar Ibrahim tidak sempurna. Tetapi ketidaksempurnaan beliau itu lompongnya ditampung oleh rakyat yang bersedia untuk bersama-sama menjadikan Malaysia tanah air bertuah ini disanjung dan dihormati dunia.

Maka hakikatnya pemimpin dan rakyat berpisah tiada, itulah simbol perpaduan yang akan membawa Malaysia menjadi negara hebat yang tinggi darjatnya.

PENULIS Khairil Hilmi Mokhtar merupakan Penganalisis Keselamatan Geo-Strategik.

APA PENGHUJUNG CERITANYA?



ZULKIFLI SULONG

MALAYSIA bakal berdepan dengan satu lagi pendedahan skandal jika siasatan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertemu dengan penyelewengan yang berlaku dalam projek 1BestariNet.

Ini berikutan pendedahan yang dibuat media bahawa SPRM telah menggeledah sebuah pejabat kerajaan dan juga pembekal kepada projek itu, YTL Communications Sdn Bhd (YTL).

Kes ini menjadi semakin panas apabila ia melibatkan pemecatan seorang menteri selepas lima kali dipanggil menghadap oleh Perdana Menteri ketika itu.

Menurut bekas Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik menerusi satu video klip yang kini tersebar semula, beliau dipanggil lima kali oleh Tun Dr Mahathir Mohamad yang menjadi Perdana Menteri (PM) pada tahun 2020 lalu.

Tujuan utamanya adalah mendesak beliau agar menyambung kembali projek 1BestariNet selepas ia tamat pada Jun 2019.

Namun Maszlee bertegas, beliau tidak boleh berbuat demikian kerana terlalu banyak kelemahan dan kesalahan yang dilakukan oleh pembekalnya.

Menurut Maszlee, beliau menggantikan projek itu dengan menggunakan Google Classroom yang percuma.

"Waktu itu, Perdana Menteri tidak percaya.

"Lima kali saya *meeting* dengan dia, *insist* supaya saya sambungkan kontrak itu. Dia kata, setiap hari Muhyiddin hurung dia desak agar buang Maszlee kerana Maszlee degil tidak mahu sambung projek itu kepada YTL," kata Maszlee dalam satu wawancara dengan beliau setahun lalu.

"Oleh kerana saya mahu selamatkan berbilion duit rakyat,



SPRM memulakan siasatan ke atas tuntutan pembayaran untuk tender perkhidmatan 1BestariNet. - Gambar hiasan

servisnya teruk dan merugikan, saya kena bertegas dengan prinsip saya.

"Lima kali pertemuan dengan PM, dia minta saya sambung. Saya kata tidak boleh kerana kita sudah *appoint* (lantik) empat komiti berbeza termasuk dari dalam Kementerian Pendidikan (KPM) sendiri, wakil universiti dan pihak swasta untuk buat penyelidikan.

"Usaha ini diterajui oleh Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) pada waktu itu dan dibuat begitu teliti sekali.

"Semua komiti kata ia satu kegagalan kecuali satu komiti sahaja yang ditaja oleh YTL mengatakan itu terbaik. 1 lawan 4.

"Pihak Ketua Setiausaha (KSU) pada waktu itu cakap kepada saya, terserah kepada YB hendak membuat keputusan macam mana tetapi bercakap tentang profesional, *its a big failure* (kegagalan besar), perjanjian *very loose sided* (berat sebelah) rugikan duit rakyat.

"Jika kita sambung lagi, akan timbul isu integriti," kata Maszlee menceritakan apa yang dikatakan KSU Kementerian kepada beliau pada waktu itu.

Pada 2 Januari 2020, Dr Maszlee Malik mengumumkan beliau meletak

jawatan sebagai Menteri Pendidikan, berkuat kuasa keesokan harinya.

Maszlee berkata beliau mengambil keputusan itu selepas mendapat nasihat Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada pertemuan hari itu.

"Saya dengan taat setia dan reda walaupun berat, dengan nasihat ayahanda Perdana Menteri, saya Maszlee Malik memulangkan semula jawatan sebagai Menteri Pendidikan kepada Perdana Menteri berkuat kuasa pada 3 Januari 2020 (esok).

"Saya dilihat menimbulkan banyak krisis kepada kepimpinan terutama membabitkan isu tulisan Jawi, Internet sekolah dan sarapan percuma dan saya percaya keputusan ini bukan pengakhiran, sebaliknya sebuah permulaan baharu," katanya pada sidang media khas di ruang legar kementerianya pada 2 Januari tersebut.

Kira-kira tiga tahun selepas peletakan jawatan itu, Maszlee menceritakan apakah sebenarnya yang berlaku sehingga menyebabkan beliau meletakkan jawatan.

Punca utamanya adalah tekanan dari Mahathir yang menerima desakan Tan Sri Muhyiddin Yassin agar beliau menyambung kembali

projek 1BestariNet.

Pada 4 September 2024 lepas, SPRM menyerbu pejabat kerajaan dan YES 4G.

SPRM memulakan siasatan ke atas tuntutan pembayaran untuk tender perkhidmatan 1BestariNet.

SEJARAH

PADA 2011, kerajaan memulakan projek 1BestariNet dengan matlamat menyediakan akses Internet berkelajuan tinggi kepada 10,000 sekolah di negara ini dan melaksanakan Pelantar Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) berasaskan awan.

Kementerian Pendidikan menganugerahkan kontrak selama 15 tahun bernilai RM4.1 bilion kepada YTL bagi pelaksanaan projek itu.

Pada 2012 1BestariNet memulakan fasa pertamanya, dengan matlamat menghubungkan sekolah ke Internet dan platform Frog VLE.

Pada awalnya, sekolah mula melaporkan masalah dengan kelajuan Internet dan sambungan. Banyak sekolah luar bandar tidak dapat memanfaatkan perkhidmatan itu susulan infrastruktur dan

liputannya yang lemah.

Pihak yang menjadi mangsa utama adalah para guru yang menggunakan perkhidmatan itu yang tidak boleh menyelesaikan tugas mereka kerana masalah yang dihasilkan.

Pada tahun itu juga, Ketua Audit Negara menyuarakan kebimbangan terhadap projek itu, mengetengahkan ketidakcekapan dan kegagalan mencapai objektif ditetapkan.

Pada 2014 hingga 2015 pula, penelitian Parlimen mendapati projek ini mendapat perhatian serius Ahli Parlimen dan orang ramai mempersoalkan keberkesannya dan kos yang tinggi.

Audit tambahan pula mendedahkan banyak sekolah masih belum disambungkan dan penggunaan Frog VLE berada di bawah paras jangkaan.

Pada 2019, KPM menghentikan penggunaan Frog VLE di sekolah, menggantikannya dengan Google Classroom dan alternatif lain.

Ekoran itu, YTL mendakwa kerajaan melanggar obligasi kontraktual susulan penamatan 1BestariNet dan Frog VLE.

Pada 2020, KPM bertegas tidak mahu meneruskan kontrak 1BestariNet dengan YES 4G.

Selepas pecah cerita penggeledahan yang dibuat SPRM, Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin menafikan dirinya terlibat dalam pemberian tender perkhidmatan 1BestariNet ketika menjadi Menteri Pendidikan.

"Wallahi, satu sen pun saya tidak ambil," katanya ketika menjawab soalan mengenai siasatan SPRM berhubung tuntutan bayaran bagi tender perkhidmatan 1BestariNet bernilai RM4 bilion yang dianugerahkan kepada YTL pada 2011.

Bekas Perdana Menteri itu menjelaskan terpulung kepada SPRM untuk menjalankan siasatan berhubung isu tersebut.

Jadi sekarang, kita tunggu apa yang akan diperolehi oleh SPRM dari penyiasatan mereka ini.

Sikap PM dipuji



Bersantai di pejabat pos

KAWAN-KAWAN Kedai Kopi memuji sikap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang tegas tidak mempedulikan bantahan golongan elit terhadap pembinaan rumah untuk rakyat berpendapatan rendah di kawasan kediaman mereka.

Anwar kesal kerana setiap kali hendak dibina perumahan untuk golongan berpendapatan rendah, ada sahaja bantahan. Alasannya ia akan menyebabkan pertambahan kepadatan penduduk dan 'menggangu' kawasan kediaman elit.

Pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, sikap sebegini sangat tidak wajar kerana golongan elit seolah-olah hendak

mewujudkan jurang pemisah dengan golongan berpendapatan rendah, walhal semua kategori rakyat Malaysia daripada pebagai kaum mesti hidup aman damai bersama-sama.

Tidak harus ada rasa iri hati bak kata Perdana Menteri, kalau pembinaan rumah mampu milik untuk golongan ini dibantah, di mana mereka hendak tinggal?

Yang kaya tiada masalah membeli rumah berharga ratusan ribu atau jutaan ringgit. Namun rumah seperti ini di luar kemampuan golongan berpendapatan rendah. Kerana itu mereka perlukan kediaman mampu milik untuk berlindung daripada panas dan hujan.

BILA kali terakhir anda berkunjung ke pejabat pos? Bagi yang sudah lama mungkin tidak menyedari kini pejabat pos berwajah baharu.

Pejabat pos telah berubah wajah. Ia bukan hanya sebagai tempat tradisi melakukan urusan pos, membeli setem, pos laju, membayar bil utiliti atau urusan jual beli saham amanah. Kini ia melebarkan konsepnya sebagai gerai serbaneka serta tempat menjamu selera.

Sebenarnya konsep *pos shop* dan kafe ini sudah bermula pada tahun lepas dengan projek pelopor di Pejabat Pos Medan Tuanku, Jalan Tuanku Abdul Rahman. Ini kemudian diikuti dengan Pejabat Pos

Brickfields dan Pejabat Pos Jalan Gombak.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, projek ini akan diperluas ke seluruh negara.

Melawat *pos shop* dan kafe di Pejabat Pos Jalan Gombak baru-baru ini, kawan-kawan Kedai kopi dapati konsepnya sangat menarik. Ruang pos dibahagi dua. Satu bahagian untuk urusan pos, satu bahagian lagi menempatkan barangan serbaneka dan juga makanan dan minuman.

Untuk kemudahan pelanggan, kerusi meja disediakan untuk menjamu selera dalam suasana berpendingin hawa. Bagi mereka yang memilih untuk makan minum di luar premis, kerusi meja juga disediakan. Pilih sahaja di mana hendak duduk.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi Marriott International, David Marriott yang mewakili sebuah syarikat hospitaliti terbesar di dunia.



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berpeluang melawat rakyat Palestin yang cedera di Surgical Specialty Centre Hospital Hamad Medical Corporation (HMC) semasa lawatannya ke Qatar.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berucap di Perasmian Pameran Budaya Cina Muslim yang berlangsung di World Trade Center Kuala Lumpur.



MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menerima kunjungan Duta Besar Negara Qatar ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Salah Mohamed Abdullah Busiol Al-Sorour.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menerima kunjung hormat dari Majlis Pimpinan Pakatan Harapan Wilayah Persekutuan di pejabat.



MENTERI Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz bertemu CEO Kumpulan Perbankan Standard Chartered, Bill Winters selepas menyertai Bloomberg & Standard Chartered ASEAN Business Forum.

TIDAK PASTI JANGAN KONGSI



**JANGAN SEBAR INFO YANG MENGANDUNGI PERKARA
YANG MENYAKITI HATI, MENGGANGGU DAN MENGANCAM
ORANG LAIN**

SEMAK SEBELUM SEBAR

BACA

Jika membaca sesuatu siaran menarik dan ingin berkongsi dengan rakan yang lain

SEMAK

Ambil masa untuk semak kesahihan dan fakta berkaitan siaran tersebut

SEBAR

Sebarikan jika berita atau fakta yang disemak diyakini SAH dan daripada sumber yang SAH

**PENGHANTARAN KOMUNIKASI YANG MEMPUNYAI CIRI-CIRI TERSEBUT ADALAH SATU PERBUATAN
YANG DILARANG DI BAWAH AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998 (AKM 1998)**

Peremajaan semula pulau oleh JWP

BAGI memacu semula sektor pelancongan khususnya di Pulau Rusukan Besar, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) akan terus membantu dari aspek pembangunan, pengindahan serta peremajaan semula pulau.

Usaha murni tersebut dilaksanakan oleh JWP menerusi Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Pembersihan dan Pengindahan Pulau Rusukan Besar dengan kerjasama Persatuan Penggiat Media, Yayasan Sukarelawan Siswa serta membabitkan 300 sukarelawan.

Ketua Pengarah JWP, **Datuk Noridah Abdul Rahim** berkata pengajuran program tersebut selaras dengan arahan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa yang mahu melihat pelancongan



NORIDAH (tengah) bersama para sukarelawan pada program CSR.

di Labuan dipacu semula.

Katanya, Program CSR itu dilaksanakan secara bersiri sebanyak tiga kali dan kali ini melibatkan seramai 100

sukarelawan bagi kerja-kerja pembersihan pulau secara menyeluruh.

"Siri seterusnya akan diadakan pada 13 hingga 16 September


2024 yang melibatkan kerja-kerja pembersihan dan pengindahan termasuk kerja-kerja membaiki fasiliti sedia ada seperti anjung tinjau, jeti, tandas, ruang makan dan melukis mural-mural hiasan.

"Siri terakhir akan dilaksanakan pada 27 hingga 28 September ini dengan merangkumi *final touch up* oleh penggiat media dan pelaksanaan aktiviti promosi dan publisiti menerusi rakaman kandungan digital berkaitan Wilayah Persekutuan Labuan, lokasi-lokasi pelancongan termasuk keindahan Pulau Rusukan Besar agar dapat dikongsi oleh netizen dengan naratif positif sekali gus menaikkan rating keunikan Pulau Labuan.

"Ini adalah salah satu usaha kita untuk melestarikan alam sekitar dan menggalakkan semula aktiviti pelancongan di Labuan khususnya

Pulau Rusukan Besar ini sebagai destinasi pelancongan utama di Labuan," katanya kepada pemberita pada Program CSR Pembersihan dan Pengindahan Pulau Rusukan Besar, baru-baru ini.

Noridah memaklumkan pihaknya telah meluluskan beberapa peruntukan infrastruktur kemudahan di pulau tersebut termasuklah pembaikan jeti jambatan yang ketika ini telah roboh selain kerja-kerja pembaikan itu akan dijalankan dalam masa terdekat.

"Saya berharap dengan usaha ini kita semua termasuklah komuniti setempat akan terus peka untuk bersama-sama menjaga kelestarian kerana ini adalah produk pelancongan Labuan yang perlu diangkat dan dijaga dengan sebaiknya," katanya. 



AFDLIN (kanan) menerima plak cenderahati daripada Rithuan (kiri) ketika kunjungan hormat ke Perbadanan Labuan.

YWP Media, PL jalin kerjasama

SELARI dengan hasrat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa yang mahu memacu semula pembangunan ekonomi dan pelancongan, YWP Media Sdn Bhd bersedia memberikan kerjasama erat dengan Perbadanan Labuan (PL) bagi mempromosikan potensi yang dimiliki Labuan menerusi penyaluran maklumat dan media massa.

Keutuhan dalam jalinan kerjasama secara erat itu dizahirkan menerusi kunjungan hormat YWP Media Sdn Bhd yang diketuai Pengerusinya, Datuk Afdlin Shauki kepada Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail di Wisma Perbadanan Labuan baru-baru ini.


Sesi pertemuan kedua-dua pihak selama hampir dua jam itu turut membincangkan potensi dari sudut ekonomi dan pelancongan di Labuan dan beberapa kejanggan yang membelenggu pulau itu.

Pada sesi tersebut, Rithuan turut

menerangkan beberapa pendekatan yang sedang dilaksanakan menerusi konsep 5S yang merangkumi fenomena matahari terbit dan terbenam, pantai yang bersih, makanan laut segar, bebas cukai dan aktiviti sukan laut.

Menurut Pengerusi YWP Media Sdn Bhd, Datuk Afdlin Shauki, pihaknya sentiasa bersedia untuk membantu dan bekerjasama dengan pihak PL untuk mempromosikan potensi Labuan khususnya dalam memacu sektor pelancongan.

Katanya, dengan kerjasama yang erat itu mampu memberikan peluang dan ruang kepada PL sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) mengetengahkan keunikan serta produk pelancongan yang berpotensi besar menerusi platform media massa dan cetakan YWP Media.

Terdahulu, hadir sama Ketua Pengarang YWP Media Sdn Bhd, Abie Abdullah dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Korporat PL, Dayang Salmah Abbas. 

Kerajaan fokus tangani isu infastruktur TARIK PELABUR

KHAIRUL IDIN

KERAJAAN terus memberi perhatian dalam menangani pelbagai isu termasuklah taraf kemudahan asas yang membelenggu Pulau Labuan demi menjamin kesejahteraan rakyat sebelum menarik pelabur asing.

Menurut Setiausaha Politik Perdana Menteri, **Datuk Azman Abidin**, kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menyalurkan beberapa peruntukan khas bagi menangani infrastruktur kemudahan asas di Labuan.

Katanya, pada lawatan khas Perdana Menteri ke Labuan, kerajaan telah menyalurkan dana RM300 juta untuk penggantian fasa pertama paip air yang usang.

"Untuk menarik pelabur asing ke Labuan, kita harus memastikan infrastruktur kemudahan asas dalam keadaan baik dan terjamin, kerana itu kerajaan ketika ini memfokuskan menangani pelbagai isu pembangunan infrastruktur asas.

"Kita tahu antara isu yang

membelenggu Labuan ialah infrastruktur, terutamanya air dan elektrik. Ini sudah kita tangani, kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi mengatasi isu tersebut.

"Petronas juga sedang membina janakuasa untuk memastikan tiada gangguan bekalan elektrik. Apabila semua infrastruktur penting ini siap, kita boleh mulakan semula rancangan induk pembangunan Pulau Labuan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Sumbangan kepada 100 asnaf di Labuan oleh Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Wilayah Persekutuan Labuan yang diadakan di Menara Perbadanan Labuan baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau juga merangkap Pengerusi MPN Wilayah Persekutuan berkata bagi projek penggantian paip usang di seluruh Labuan, kerajaan telah membelanjakan peruntukan hampir RMI bilion.


"Selain itu, projek janakuasa elektrik baharu oleh Petronas

dijangka akan memastikan tiada gangguan bekalan elektrik kepada pengguna menjelang 2027.

"Ini adalah bukti menunjukkan bahawa pembangunan Labuan tidak dipinggirkan dan menjadi satu keutamaan untuk memacu semula pembangunan, ekonomi serta kesejahteraan rakyat di pulau ini," tambahnya.

Dalam perkembangan sama, Azman berkata kini pelbagai pihak pelabur luar telah menunjukkan minat dalam pelaburan perbankan, digital dan sebagainya.

"Perkara ini merupakan salah satu perkara yang amat baik dan perlu kita manfaatkan namun Labuan masih mempunyai masalah kekurangan pembangunan infrastruktur asas yang perlu diatasi terlebih dahulu.

"Selain itu, pada masa ini kita akan menyelesaikan masalah itu di peringkat domestik dan bulan ini syarikat penerbangan AirAsia telah menambah penerbangan ke Labuan dan kita berharap ia akan diikuti oleh syarikat penerbangan yang lain," katanya. 



AZMAN ketika menyampaikan bantuan kewangan kepada 100 asnaf di Labuan baru-baru ini.

LESTARI WARISAN SENI BUDAYA

ORANG ramai dijemput hadir untuk memeriahkan Festival Budaya Putrajaya 2024 pada 20 hingga 22 September ini.

Program yang berlangsung selama tiga hari itu akan diadakan di Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya bermula pada pukul 9 pagi hingga 11 malam.

Bertemakan 'Gemilang Budaya Kukuh Perpaduan', festival ini akan membawa pelbagai keunikan budaya yang ada di Malaysia untuk tatapan umum.

Kepelbagaian kaum dan keunikan adat resam yang dimiliki Malaysia akan menjadi tarikan pengunjung khususnya pelancong luar untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang budaya masyarakat majmuk di negara ini. Pelbagai aktiviti, persembahan, permainan dan hadiah menarik menanti buat pengunjung yang hadir. Jom beramai-ramai kita memeriahkan acara ini. Jumpa anda di sana!

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Festival Budaya Putrajaya 2024, ikuti sesi wawancara eksklusif wartawan Wilayahku, **SABRINA SABRE** bersama Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya (PPj), **SITI FADILAH RAMLI**.

Boleh kongsikan secara ringkas berkenaan Festival Budaya Putrajaya 2024?

Festival Budaya Putrajaya pada tahun ini adalah kali kedua dianjurkan secara bersama oleh PPj dengan Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC) serta agensi di bawahnya seperti Istana Budaya, Balai Seni Negara dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Program ini berkonsepkan kebudayaan dengan mengetengahkan tema Gemilang Budaya Kukuh Perpaduan, di mana konsep persembahan kebudayaan yang bakal dibawakan adalah Colours of Malaysia.

Pengisian utama program akan dibawakan oleh MOTAC antaranya Malam Gala Warna Warni MADANI, Pameran Demonstrasi dan Interaktif Seni Budaya Warisan, Penjualan Produk Kraf, Produk Komuniti dan Produk Tradisional, Pameran dan Jualan Produk Domestik dan Antarabangsa, Pencungkilan Bakat Seni dan Budaya serta banyak lagi.

PPj pula akan menjayakan persembahan teater secara percuma bertajuk Cinta Ahmad Mutawakkil, Program Jelajah Makan Putrajaya dan Pavilion Pameran Indahnya Putrajaya.

Apakah kelainan untuk penganjuran kali ini?

Untuk julung kalinya, PPj akan mengadakan persembahan teater budaya bertajuk Cinta Ahmad Mutawakkil yang akan dipentaskan bermula pada 20 hingga 22 September 2024 secara percuma.

Orang ramai boleh dapatkan pas masuk tersebut dengan mengimbas



SEKITAR persembahan yang diadakan pada Festival Budaya Putrajaya 2023.

kod QR di poster yang telah dimuat naik di media sosial rasmi PPj.

Tarikh Pementasan adalah pada 20 September 2024 (8.30 malam), 21 September 2024 (2.30 petang) dan 22 September 2024 (2.30 petang) bertempat di Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Boleh kongsikan bagaimana teretusnya idea untuk menjayakan Jelajah Makan Putrajaya ini?

Seperti kita semua sedia maklum, Malaysia sememangnya terkenal dengan kepelbagaian menu dan jenis makanan. Bertitik tolak dari situ, PPj mengambil inisiatif untuk menyediakan reruai makanan dari setiap negeri di Malaysia dan juga tidak dilupakan pelbagai jenis makanan yang sedang viral ketika ini.

Jelajah Makan Putrajaya akan bermula sehari lebih awal iaitu pada 19 September (Khamis). Lokasinya adalah di hadapan pentas utama Festival Budaya Putrajaya 2024.

Terdapat 74 reruai makanan yang disediakan terbahagi kepada tiga kategori iaitu 10 booth daripada makanan warisan negeri yang mana makanan tersebut adalah dari negeri-negeri di Malaysia, 12 booth daripada MAYAPADA KOPI yang menyediakan pelbagai jenis kopi yang istimewa dan terdapat juga minuman lain disediakan serta 54 booth yang menyediakan pelbagai jenis makanan berat.

Lebih menarik, terdapat beberapa reruai makanan viral di sini. Hanya dengan mengunjungi Jelajah Makan Putrajaya, pengunjung berpeluang untuk menikmati pelbagai hidangan tempatan yang menarik dan mungkin sukar dijumpai di sekitar Lembah Klang.

Boleh kongsikan jumlah pempamer yang terlibat?

Terdapat 40 reruai pameran yang terlibat di Pavilion Pameran iaitu 23 buah booth daripada MOTAC, Akademi Seni Budaya dan

Warisan Kebangsaan (ASWARA), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Soka Gakkai, Unique Arts, Culture and Heritage Foundation Negeri Sembilan, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, World Culture Organisation (WCO), Istana Budaya, 12 buah booth produk pelancongan Putrajaya (Indahnya Putrajaya) dan lima buah booth daripada Jabatan Warisan Negara.

Apakah produk terkini pelancongan Putrajaya yang dijangka bakal menjadi tumpuan di Pavilion Pameran Indahnya Putrajaya nanti?

Putrajaya Water Taxi adalah perkhidmatan pengangkutan awam terkini di sepanjang Tasik Putrajaya untuk kemudahan pengunjung. Ianya lebih mudah dan pantas untuk anda pergi ke setiap destinasi menarik di Putrajaya.

Terdapat 10 lokasi perhentian (checkpoint) yang boleh dipilih oleh pengunjung untuk menggunakan perkhidmatan Putrajaya Water Taxi seperti di Taman Botani, Kelab Tasik Putrajaya, Cruise Tasik Putrajaya, Zenith Hotel, Monumen, JAKIM dan Anjung Floria.

Satu lagi tarikan pelancongan terbaharu iaitu Putrajaya Wetland Adventure Park yang pastinya akan menarik perhatian penggemar aktiviti sukan lasak.

Terletak di Taman Wetland Putrajaya, Putrajaya Wetland Adventure Park menjanjikan pelbagai aktiviti mencabar dan menarik seperti flying fox, leap of faith, abseiling dan wall climbing. Terdapat beberapa tawaran

dan diskaun akan diberi kepada pengunjung seperti Taman Ekuestrian Putrajaya, Joy Ride Promotion Promo Ticket sehingga 30 peratus, Stable Tour RM20 untuk hari biasa dan hari minggu serta promosi tiket sehingga 40 peratus serendah RM7.50 untuk Cruise Tasik Putrajaya.

Aktiviti lain yang dijalankan sepanjang festival berlangsung?

Pada 21 September 2024, kita akan menganjurkan Program Car Free Day (CFD) Putrajaya bagi merayakan hari tanpa kenderaan pada setiap hari Sabtu minggu keempat setiap bulan. Sepanjang tempoh CFD berlangsung,

penutupan jalan penuh akan dibuat di Dataran Putrajaya iaitu bermula dari persimpangan Menara Prisma ke persimpangan Menara Tulus.

Penutupan jalan ini dibuat kepada kenderaan bermotor bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk berjalan kaki, berbasikal mahupun mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti sihat.

Menarik dalam penganjuran CFD kali ini adalah edaran 1,000 pek sarapan pagi secara percuma kepada pengunjung terawal. Jadi, saya ingin mengajak orang ramai untuk berkunjung ke CFD bagi menikmati sarapan pagi bersama-sama sambil memakai pakaian tradisional Melayu sempena Festival Budaya Putrajaya.

Selain program dan aktiviti, adakah PPj ada menganjurkan sebarang kempen sempena penganjuran acara ini?

Bagi memastikan pengurusan sampah lebih efisien dan lancar, PPj akan meneruskan Program Jom Bawa Balik Sampah sempena Festival Budaya Putrajaya 2024.

Dalam merealisasikan persekitaran Putrajaya yang bersih, indah dan kondusif semasa penganjuran, program ini menjadi medium pelaksanaan kempen oleh PPj bagi menggalakkan pengunjung untuk lebih bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan.

Bagaimanakah pengunjung ingin mendapatkan maklumat tentang Festival Budaya Putrajaya 2024?

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh layari media sosial kami Facebook @Perbadanan Putrajaya; X @putrajayacorp; Instagram, YouTube dan TikTok @perbadananputrajaya serta melalui laman sesawang PPj di www.ppj.gov.my.

Jangan lupa untuk hashtag kami pada setiap hantaran anda iaitu #festivalbudayaputrajaya2024; #PCF2024; #perpaduanmelaluisenibudaya; #indahnyaputrajaya; #MySeniBudaya; #TaatSetia dan #MalaysiaTrulyAsia. 🇲🇾



SITI FADILAH

Syaqir intai peluang sertai skuad silat kebangsaan

MAHU BERAKSI DI PENTAS DUNIA

SABRINA SABRE

HAMPIR 12 tahun aktif dalam sukan pencak silat, atlet Wilayah Persekutuan, **Muhammad Syaqir Afham Zaidi** mula mengintai peluang untuk menyertai skuad kebangsaan demi masa hadapan.

Meletakkan harapan tersebut sebagai penanda aras, dia sentiasa meningkatkan usaha dari semasa ke semasa sehingga menjadi atlet terbaik.

"Saya pasti bukan saya sahaja yang ingin bergelar pesilat negara tetapi setiap atlet sudah semestinya bercita-cita untuk berada di tahap tersebut. Kalau boleh saya ingin mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa," ujarnya.

Memasang impian untuk beraksi di pentas Olimpik suatu hari nanti, atlet berusia 21 tahun itu menjadikan bekas atlet silat negara, Muhammad Faizul M Nasir sebagai idola.

Pemenang tunggal pingat emas sukan silat di temasya Sukan Malaysia (SUKMA) edisi ke-21 itu

berkata untuk sampai ke tahap itu, dia perlu bekerja keras selain memberi komitmen yang sangat tinggi sama seperti dilakukan idolanya itu.

"Mungkin ia akan mengambil masa bertahun-tahun berusaha untuk melayakkan diri ke Olimpik namun amat berbaloi memandangkan ia adalah jalan yang saya pilih dan banggakan," ujarnya.

Beralih kepada perkembangan terbaharunya, anak ketiga daripada lima orang adik-beradik ini gigih menjalani latihan bagi persediaan berentap dalam kejohanan silat akan datang.

"Sejujurnya dari dahulu saya berusaha sedaya upaya untuk memenangi setiap pertandingan. Biarpun

masa masih agak panjang namun itu bukan alasan untuk berlengah kerana saya perlu tingkatkan prestasi bermula dari sekarang," ujarnya yang akan menjalani latihan di pusat gimnasium pada masa lapang bagi menguatkan stamina



SYAQIR



MAHATHIR



SYAQIR (dua kiri, belakang) meraih pingat emas di SUKMA 2024.

tubuh.


Katanya lagi, dia juga sentiasa mempersiapkan diri dari segi mental agar tidak berasa gentar ketika berada di gelanggang semasa hari perlawanan.

"Saya tidak hanya mengharapkan latihan daripada jurulatih semata-mata. Sebagai atlet, kita perlu ada inisiatif sendiri untuk berjaya," ujar anak jati Kuala Lumpur ini.

Sementara itu, Pengurus Skuad Silat Wilayah Persekutuan, **Mohamad Mahathir Mohamed Younos** berkata seni silat bukan sekadar untuk mempertahankan diri malah dapat membentuk keterampilan serta jati diri.

"Menerusi penganjuran pelbagai kejohanan silat seperti SUKMA, ramai bakat baharu dapat dilahirkan sekali gus memastikan

budaya ini tidak pupus. Seni silat memainkan peranan yang besar dalam memastikan budaya Melayu ini terkenal dan diwarisi di peringkat sejagat.

"Sehubungan itu, silat perlu dipertahankan supaya satu daripada budaya yang sudah bertapak sejak sekian lama ini dapat dikekalkan dan diterima segenap lapisan masyarakat," ujar beliau. 

Layak bergelar juara

KETUA jurulatih pasukan bola sepak kebangsaan, **Pau Marti Vicente** percaya Malaysia layak memenangi trofi Pestabola Merdeka 2024 selepas mencatat kemenangan 1-0 ke atas Lubnan dalam perlawanan akhir di Stadium Nasional, Bukit Jalil baru-baru ini.

Pengendali skuad Harimau Malaya dari Sepanyol itu menyifatkan kejayaan tersebut sebagai bukti simbolik atas kerja keras anak buahnya.

"Fikiran saya ketika ini ialah kami sangat gembira dan rasa kami layak untuk menang, ia satu aksi yang sukar. Semua pemain bekerja keras pada aksi final.

"Saya rasa bagus kerana mempunyai petugas dan pemain yang sangat baik malah yang penting hubungan erat secara keseluruhan," ujarnya.

Terdahulu, penyerang naturalisasi, Romel Morales menjaringkan gol kemenangan pada minit ke-33 sekali gus membantu Malaysia merangkul gelaran kali ke-13 dan pertama sejak kemenangan terakhir pada tahun 2013.

Mengulas lanjut, Vicente berpendapat Malaysia boleh menambah dua lagi gol pada separuh masa kedua walaupun bergelut untuk mengekalkan tahap permainan konsisten seperti pada



MALAYSIA akhiri badi trofi 14 tahun selepas muncul juara Pestabola Merdeka.


separuh masa pertama.

"Separuh masa pertama sangat positif, kami berdepan lawan yang bertahan dengan sangat baik dan sukar untuk ditembusi tetapi kami masih dapat mengawal permainan dan bernasib baik dapat menjaringkan gol.

"Separuh masa kedua, kami bergelut untuk mengekalkan corak permainan yang sama tetapi kami mempunyai beberapa peluang dan boleh menjaringkan satu atau dua gol, mungkin ia akan jadi berbeza untuk kita," ujarnya.

Sementara itu, jurulatih Lubnan, Miodrag Radulovic mengakui bahawa pasukannya menghadapi perlawanan yang sukar dan gol pertama Malaysia menyukarkan lagi keadaan bagi mereka selain terlepas beberapa peluang.

"Saya ucap tahniah kepada Malaysia atas kejayaan ini," ujarnya.

Ini adalah kekalahan pertama Lubnan kepada Malaysia selepas dua kali menewaskan Harimau Malaya dengan jaringan 2-1 dalam aksi kelayakan Piala Asia pada tahun 2017 dan 2018. 

Atlet SUKIPT perlu lebih gigih

ATLET Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024 digesa berusaha lebih gigih untuk mencapai kejayaan di temasya sukan itu seterusnya menambah bilangan atlet IPT di pertandingan antarabangsa.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, **Datuk Mustapha Sakmud** berkata SUKIPT menjadi medan pencarian serta persediaan atlet pelapis di peringkat IPT bersaing di temasya sukan lebih besar dan berprestij.

"Sukan berkenaan termasuk Sukan Universiti ASEAN (AUG) dan Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE).

"Usaha ini memperlihatkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa relevan sebagai satu ejen yang turut membantu dalam mempertingkatkan pembangunan mutu sukan negara," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau juga menyeru atlet SUKIPT kali ini untuk menjadikan kejayaan atlet terdahulu sebagai dorongan dan pembakar semangat untuk mencipta kecemerlangan.


"Pada SUKIPT 2022 di

Universiti Pendidikan Sultan Idris, sebanyak 46 rekod kejohanan dipecahkan dan mencabar atlet pada temasya kali ini untuk melakukan lebih baik dengan memecahkan rekod kebangsaan.

"Saya ingin mencabar para atlet yang bertanding dalam SUKIPT 2024 untuk mencatatkan rekod kebangsaan, tidak kiralah dalam apa jenis acara pun," ujarnya.

KPT menyediakan peruntukan keseluruhan RM20,000 bagi atlet yang berjaya mencatatkan rekod kebangsaan pada SUKIPT.

Edisi keenam SUKIPT 2024 yang membuka tirai kelmarin akan berlangsung hingga 14 September membabitkan 73 kontinjen dengan 6,058 atlet bertanding dalam 28 acara sukan bagi merebut 231 pingat emas.

Penyertaan kontinjen pada temasya kali ini terdiri daripada 20 universiti awam, 46 universiti swasta, masing-masing satu penyertaan daripada politeknik dan kolej komuniti selain lima Institut Pendidikan Guru (IPG). 

LUNTUR NILAI MURNI

DEEL ANJER

KECANGGIHAN teknologi dan liputan meluas media sosial menjadi cabaran baharu yang terpaksa dilalui masyarakat hari ini. Jika digunakan secara baik, maka ia menjadi manfaat. Namun apabila ada yang menyalahgunakannya, maka ia boleh menjadi penyumbang kepada pelbagai masalah seperti penyebaran berita palsu, buli siber, medan fitnah dan sebagainya. Golongan selebriti antara yang menjadi sasaran atau mangsa netizen akibat penyalahgunaan media sosial yang sepatutnya digunakan untuk keharmonian. Kali ini Wilayahku turut menemu bual selebriti popular seperti Reen Rahim, Khai Bahar dan Syazwan Zulkifly yang turut berdepan perkara tersebut.

Fikir sebelum sebar dulu

PELAKON jelita Reen Rahim berharap masyarakat tidak sewenang-wenangnya menyebarkan berita yang belum sah atau ternyata palsu. Bagi Reen, setiap manusia diberikan akal fikiran untuk menilai sesuatu berita tersebut.

“Tidak dinafikan, masih ada rakyat Malaysia yang menyebarkan berita yang entah betul atau tidak. Ia menjadi lebih parah apabila berita itu sebenarnya palsu.

“Hal ini tidak boleh dipandang remeh oleh mana-mana pihak. Isu penyebaran berita palsu ibarat barah dalam kalangan rakyat.

“Berita palsu akan selalu ada, agak sukar untuk kita elak. Disebabkan itu, kita yang berhadapan atau menerima berita tersebut, perlulah fikir dan menapisnya.

“Jadi janganlah mudah untuk percaya tajuk sahaja. Kadang-kadang tajuk yang gempak boleh menimbulkan pelbagai andaian atau persepsi,” ujarnya.

Tambahnya, pembaca perlu belajar agar tidak menerima bulat-bulat berita yang boleh diragui.

“Berita palsu mungkin disebar atas faktor peribadi seperti untuk tujuan ingin menjatuhkan reputasi individu atau perniagaan.

“Sesetengah individu juga sengaja menyebarkan berita palsu untuk menarik trafik Internet bagi tujuan pendapatan daripada pengiklanan,” ujarnya.

Tambah Reen, setiap orang perlu menjalankan tanggungjawab sosial dengan melaporkan nama pelaku, tajuk berita, tarikh dan platform digunakan dalam penyebaran berita itu.

“Kempen kesedaran ini amat penting supaya orang ramai lebih cakna dalam berkongsi maklumat diterima,” ujarnya.

Bukan medan menghina

PENYANYI popular, Khai Bahar menegaskan bahawa media sosial bukan medan untuk saling berbalah sebaliknya perlu ada penerapan nilai murni seperti adab dan etika dalam kehidupan masyarakat hari ini yang semakin dilupakan.

“Perkara ini tidak harus dibiarkan kerana menjadi hasrat kerajaan membentuk Keluarga Malaysia penyayang mempunyai sifat berkasih-sayang, saling menghormati dan sebagainya.

“Namun, realitinya kita perlu hadapi situasi kurangnya adab dan etika murni dalam media sosial yang menjadi trend dalam kehidupan sekarang.

“Disebabkan kurang adab dan etika hidup bermasyarakat, wujud penghinaan terhadap sesama sendiri dalam kalangan mereka yang menyalahgunakan media sosial.

“Keadaan ini amat menyedihkan apabila media sosial dijadikan gelanggang menghina terhadap sesiapa yang tidak sehaluan dengannya,” katanya.

Menurut Khai Bahar, sepatutnya perlu ada rasa hormat sesama kita meskipun dalam media sosial.

“Jika semua orang sedar tanggungjawab dan adab masing-masing ketika berkomunikasi, tiada masalah akan

berlaku dalam masyarakat. Sayangi orang lain untuk disayangi dan hormati orang lain untuk dihormati,” tambahnya.

Diam itu lebih baik

GOLONGAN selebriti antara mangsa yang tidak pernah terlepas daripada menjadi sasaran netizen apabila terdapat perkara tidak enak di mata mereka.

Pelakon Syazwan Zulkifly menyifatkan kehidupan selebriti hari ini seolah-olah sentiasa diawasi apabila sesetengah netizen suka menghentam sehingga meninggalkan kesan terhadap mental.

“Sudah menjadi adat dalam dunia artis, apa yang dilakukan menjadi perhatian, apatah lagi wujudnya media sosial.

“Apa yang tak sepatutnya berlaku, selebriti kerap dihentam jika ada sesuatu yang tidak kena di mata mereka. Tegur itu tak salah, tapi janganlah menghentam dengan perkataan kesat. Kita sesama manusia perlu ada adab. Artis dan pempengaruh pun manusia juga.

Kami mempunyai keluarga yang turut tersakiti dengan kata-kata netizen,” katanya.

Menurut Syazwan, penguatkuasaan undang-undang antara langkah terbaik untuk mengawal sesetengah netizen yang menyalahgunakan media sosial.

“Kalau dulu buli siber tidak dianggap jenayah yang serius, bagaimanapun, isu ini terus mencuri perhatian ramai termasuk pihak berkuasa. Komenlah dengan matang dan berfikir sebelum memberi sebarang pendapat kerana itu mencerminkan diri sebenar seseorang.

“Jika benda yang kita suka, beri komen yang positif. Namun kalau kita tak suka, lebih baik pilih untuk berdiam diri dan tidak perlu nak muat naik hantaran atau nak kutuk orang. Itu adalah langkah terbaik,” tambahnya.





Atlet SUKIPT perlu
lebih gigih ▶▶ 22

Fikir sebelum sebar ▶▶ 23



Jika mengganggu tugas hakiki

KERJA SAMPINGAN JADI HARAM

AZLAN ZAMBRY

MENGIMBANGI tanggungjawab profesional dengan komitmen peribadi adalah cabaran yang dihadapi ramai orang khususnya umat Islam dan ia berpotensi menjadi sangat rumit.

Sudah pasti ramai yang berusaha untuk mengekalkan pekerjaan utama mereka, namun pada masa sama terpaksa mencari alternatif menambah pendapatan sekali gus terlibat dalam kerja sampingan bagi memenuhi keperluan peribadi yang kadang kala boleh menyebabkan konflik dan menjejaskan prestasi kerja hakiki.

Umat Islam sering berpandukan prinsip amanah selain diingatkan bahawa pekerjaan sebagai ibadah dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah.

Perspektif ini boleh menambah tekanan untuk cemerlang dalam pekerjaan utama mereka di samping memenuhi kewajipan lain. Selain itu, keperluan untuk mematuhi amalan keagamaan seperti waktu solat dan waktu rehat boleh merumitkan lagi keseimbangan kerja dan kehidupan mereka.

Cabarannya terletak pada menguruskan dua peranan ini tanpa menjejaskan kualiti kerja utama mereka. Ini selalunya memerlukan pengurusan masa yang teliti dan menetapkan sempadan yang jelas selain perlu mendapatkan kebenaran daripada majikan dan sokongan rakan sekerja.

Setiap pekerja yang melakukan kerja-kerja sampingan ini juga perlu memahami dan menangani cabaran unik ini sekali gus dapat membantu mewujudkan persekitaran kerja yang lebih inklusif dan menyokong pekerja Muslim.

Penasihat Syariah Sharlife Sdn Bhd, **Arham Merican** berkata prinsip asas yang ditekankan untuk setiap umat Islam dan pekerja ialah fokus menunaikan tugas semasa waktu

kerja dan tidak melakukan aktiviti lain yang berpotensi melalaikan tugasnya dan tidak mencapai sasaran atau petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditentukan oleh majikan.

“Hal ini merujuk kepada hadis Rasulullah SAW, *“Sesungguhnya Allah memerintahkan berbuat baik terhadap segala sesuatu.”* – Hadis Riwayat Muslim yang menekankan kewajipan untuk menunaikan pekerjaan dengan penuh fokus dan terbaik bagi mencapai sasaran tugas yang diletakkan,” katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

Menurut Arham, pekerjaan sampingan boleh bercanggah dengan kewajipan moral jika ia mengganggu fokus, produktiviti atau kualiti kerja utama yang telah diamanahkan kepada mereka.

“Hubungan majikan dengan pekerja adalah di atas kontrak atau akad ljarah yang mendasari perjanjian antara pekerja dan majikan, di mana pekerja berjanji untuk memberi khidmat dan masa mereka

sebagai balasan untuk gaji dan hak-hak pekerja yang dijamin seperti caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), perlindungan takaful perubatan, kemudahan komputer riba, elaun tambahan dan sebagainya. Masing-masing diikat dengan perjanjian itu dan perlu menunaikan hak dan tanggungjawab masing-masing,” katanya.

Ujar Arham, bagi memastikan kerja sampingan setiap pekerja tidak membawa kepada pengabaian tanggungjawab hakiki mereka, pekerja haruslah memilih jenis pekerjaan sampingan yang halal dan waktu melakukannya tidak mengganggu waktu dan komitmen tugas utama.

“Pekerja juga perlu melakukan kerja sampingan di luar waktu kerja utama selain memastikan kerja sampingan tidak mengalih perhatian dan fokus yang diperlukan untuk tugas utama.

“Dalam masa sama

perlu mematuhi peraturan dan polisi tempat kerja berkaitan kerja sampingan contohnya ada syarikat memberi peluang pekerja mempunyai pekerjaan sampingan dengan syarat ia dimaklumkan ke bahagian Sumber Manusia dan perlu sentiasa mengutamakan kualiti dan produktiviti dalam pekerjaan utama,” katanya.

Beliau berkata sudah pasti akan wujud konflik dilema di antara tugas hakiki dan pekerjaan sampingan iaitu konflik kepentingan antara pekerjaan utama dan sampingan, penggunaan sumber atau data, maklumat organisasi untuk kerja sampingan selain tidak puas hati, dengki dan cemburu antara rakan sekerja.

“Mereka boleh mengawal dilema etika sambil mengekalkan integriti dan kejujuran dengan bersikap telus dengan majikan utama mengenai kerja sampingan dan memastikan kerja sampingan tidak bercanggah dengan kepentingan pekerjaan utama.

“Setiap pekerja ini perlu mematuhi secara ketat batas-batas etika dan profesional antara kedua-dua pekerjaan seperti hanya melakukan kerja sampingan di luar waktu kerja atau waktu cuti dan tidak sesekali menggunakan data pekerjaan utama untuk pekerjaan sampingan selari dengan kepatuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi,” katanya.

Arham berkata dalam usaha mengejar pendapatan tambahan menerusi pekerjaan sampingan, setiap pekerja haruslah mengimbangi dengan kewajipan moral dan etika untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti dalam pekerjaan utama seseorang seperti mengutamakan kualiti dan produktiviti dalam pekerjaan utama.

“Sebagai seorang Muslim harus beriman rezeki ini telah ditetapkan Allah,” ujarnya.



SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku
UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR